

OBOR BELIA

BUKU 23

HIDUP TERHITUNG BAGI TUHAN



Penerbitan Kristian

OBOR BELIA

Penulis (Bahasa Inggeris): Goh Kim Guat

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

Penterjemah: Cheong Pooi Wah

Pooi Wah memperoleh Master of Library & Information Science dari Universiti Malaya dan pernah bekerja sebagai seorang perpustakawan di Bible College of Malaysia, Petaling Jaya serta mengajar beberapa kursus di Jabatan BM.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: Februari 2011

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com
Kulit Buku : Randy Singkee
Artis Ilustrasi : Eugene Tan & Yee Weng Chiang

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia
Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2011 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Hidup Terhitung Bagi Tuhan

Lembar Kerja

6	Sesi 1: Harta Yang Tersembunyi
10	Sesi 2: Wang & Ringgit
14	Sesi 3: Hak Pengguna Saya?
18	Sesi 4: Ini Kehidupan Saya!
22	Sesi 5: Jadikan Hidup Anda Terhitung
26	Sesi 6: Kehidupan Di Dunia Kerjaya
30	Sesi 7: Melayani Sepenuh Masa
34	Sesi 8: Kehidupan Di Ladang Tuhan

Panduan Pembimbing

39	Sesi 1
44	Sesi 2
50	Sesi 3
55	Sesi 4
61	Sesi 5
68	Sesi 6
73	Sesi 7
78	Sesi 8

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para peserta.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentang dan dibincangkan. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekedar mengetahuinya sahaja.




Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.



Objektif-Objektif Sesi

Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.



Pencetus Minat

Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.



Aktiviti Tambahan

Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.

Beberapa Panduan Berguna

*** Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

*** Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

*** Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

*** Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 23 : Hidup Terhitung Bagi Tuhan

Mukadimah

Jika anda kumpulkan pemuda-pemudi Kristian bersama-sama kawan-kawan mereka yang bukan Kristian, kemungkinan besar para belia Kristian ini tidak terlalu menonjol. Cara mereka berpakaian, tutur bicara mereka, sikap-sikap serta nilai-nilai mereka hampir-hampir tidak dapat dibezakan. Hal yang sama turut dialami oleh orang-orang Kristian dewasa. Hakikatnya, gereja sudah menjadi begitu sebatian dengan dunia moden ini sehingga ianya dalam bahaya kehilangan keberkesanannya.

Para belia kita membesar dalam dunia yang mengalami perubahan-perubahan hebat dalam hampir-hampir semua aspek kehidupan. Nilai-nilai moral semakin runtuh, gaya hidup dicabar, materialisma semakin meningkat dan orang ramai bekerja semakin keras mengejar status, kekayaan dan kejayaan. Jadi, amat penting bagi kita membantu para belia kita untuk mengenali Alkitab dan belajar awal-awal lagi apa erti 'berada dalam dunia tetapi bukan dari dunia.'

Sesi 1-4 dirancang untuk membantu mereka memeriksa semula nilai-nilai mereka berasaskan ajaran-ajaran Alkitab. Bagaimana mereka harus hidup di tengah-tengah masyarakat yang mendewakan wang dan apa yang boleh dibeli oleh wang. Nilai-nilai apakah yang menjadi pegangan bila kecenderungannya ialah setiap orang memutuskan standard-standard dan nilai-nilainya sendiri? Dalam dunia moden hari ini, para belia Kristian perlu diingatkan bahawa standard-standard dan nilai-nilai mereka sebagai umat Kristian masih berdasarkan kepada Firman Tuhan yang tidak pernah berubah dan kekal selamanya.

Sesi 5-8 adalah mengenai pekerjaan dan kerjaya. Ramai orang Kristian berpendapat bahawa panggilan Tuhan hanya untuk mereka yang terlibat dalam pelayanan dan perkhidmatan Kristian sepenuh masa sahaja. Mereka menganggap pekerjaan-pekerjaan 'sekular' tidak tergolong dalam panggilan Tuhan. Yang lain pula berpendapat melayani Tuhan dalam gereja, khususnya sebagai pekerja sepenuh masa atau misionaris, merupakan panggilan yang lebih mulia daripada melayani Tuhan di tempat kerja masing-masing. Betulkah itu?

Oswald Chambers dalam bukunya "*My Utmost for His Highest*" (*Yang Terbaik Dariku Untuk Dia Yang Tertinggi*) mengatakan "Panggilan Tuhan

bukanlah panggilan terhadap mana-mana pelayanan tertentu; ... Pada dasarnya, panggilan Tuhan merupakan ungkapan sifat semulajadi Allah sementara pelayanan dan perkhidmatan merupakan hasil yang bersesuaian dengan sifat semulajadi saya.” Dia terus mengatakan bahawa sebagai hasil perhubungan kita dengan Tuhan dan apa yang Dia telah lakukan untuk kita, tidak kira apa sekali pun perkhidmatan dan pelayanan kita, sepatutnya berpunca daripada kasih dan kesetiaan terhadap-Nya. Segala jenis pekerjaan merupakan perkhidmatan kepada Tuhan. Jadi, tidak kira apa pekerjaan kita, apa yang penting ialah kita melayani Tuhan dengan sebaik-baiknya dan sedaya upaya kita kerana kita begitu bersyukur kepada-Nya dan amat mengasihi Dia.

Justeru buku ini bertujuan membantu para belia Kristian menyedari bahawa tidak kira siapa mereka, dan apa pekerjaan mereka, hidup mereka adalah untuk melayani Tuhan kerana Allah terlebih dahulu mengasihi mereka. Allah ingin sekali hidup mereka terhitung bagi Dia dalam apa jua kerjaya yang mereka lakukan. Mereka perlu sedar bahawa sesuatu pekerjaan bukan sekadar pekerjaan sahaja. Ianya merupakan seruan Tuhan kepada mereka supaya melayani Dia menerusi pekerjaan tersebut dan menyatakan Dia di mana mereka berada.

Semoga buku ini akan membantu para belia Kristian memupuk pandangan yang berlainan terhadap kerjaya masa depan mereka. Dan semoga Tuhan akan menggunakan pelajaran-pelajaran dalam buku ini untuk merangsang hati dan jiwa belia Kristian hari ini supaya memberi respon positif kepada seruan menjadi pekerja-pekerja dalam pelayanan Kristian sepenuh masa.

“Kerana itu kami senantiasa berdoa juga untuk kamu, supaya Allah kita menganggap kamu layak bagi panggilan-Nya dan dengan kekuatan-Nya menyempurnakan kehendakmu untuk berbuat baik dan menyempurnakan segala pekerjaan imanmu, sehingga nama Yesus, Tuhan kita, dimuliakan di dalam kamu dan kamu di dalam Dia, menurut kasih karunia Allah kita dan Tuhan Yesus Kristus.”

(2 Tesalonika 1:11-12)

Harta Yang Tersembunyi





Ayat Mas Alkitab

“Jadi, janganlah kamu mempersoalkan apa yang akan kamu makan atau apa yang akan kamu minum dan janganlah cemas hatimu. Semua itu dicari bangsa-bangsa di dunia yang tidak mengenal Allah. Akan tetapi Bapamu tahu, bahwa kamu memang memerlukan semuanya itu. Tetapi carilah Kerajaan-Nya, maka semuanya itu akan ditambahkan juga kepadamu.”
(Lukas 12:29-31)



Kata-kata Mutiara

Tuhan menyeru kita mengutamakan kerajaan-Nya terlebih dahulu serta mengumpulkan harta di syurga dan bukannya di dunia.



Aktiviti Bersama

Apa Erti Pencapaian Hidup Bagiku?

Dalam kumpulan 3-4 orang, bincangkan:

Apa yang anda ingin capai dalam kehidupan ini? Tulis dengan mengikut susunan keutamaannya, bermula dengan yang paling penting terlebih dahulu.



Renungan Firman Tuhan

Harta Di Syurga

Kadang-kadang kita berpendapat Tuhan tidak memahami hasrat kita untuk menginginkan sesuatu atau keperluan kita untuk bergembira. Adakah salah jika kita menjadi seperti kawan-kawan kita dan



menginginkan kehidupan yang bahagia dan selesai? Marilah kita lihat apa yang dikatakan oleh Yesus:

Baca Lukas 12:22-34

1. Murid-murid Yesus mendapat markah tertinggi sebagai orang-orang yang selalu khawatir ... samalah seperti kita semua! Apakah yang mereka khawatirkan (ayat 22)?
2. Adakah Yesus tidak sedar bahawa sebagai manusia biasa, murid-murid-Nya juga sangat menitikberatkan hal-hal seperti itu (ayat 30)? Berikan sebab bagi jawapan anda.
3. Bagaimana Yesus memberi kepastian kepada mereka bahawa mereka akan menerima apa yang mereka perlukan walaupun mereka tidak menjadikan hal-hal itu sebagai keutamaan dalam hidup masing-masing (ayat-ayat 23-30)?
4. Menurut Yesus, apakah yang sepatutnya menjadi tujuan utama hidup kita (ayat 31)? Apakah hasil daripada kehidupan sedemikian?
5. Pada pendapat anda, apakah yang dimaksudkan oleh Yesus tentang "cari dahulu Kerajaan Allah"?
6. Baca Matius 6:19-21. Bandingkan dengan apa yang anda baca dalam Lukas 12:32-34. Yesus menyeru kita menyimpan harta kita di syurga di mana ianya tidak akan dimusnahkan. Pada pendapat anda, harta apakah yang dimaksudkan oleh Yesus? Bagaimana kita menyimpannya di syurga?



Renungan Peribadi

Harta apakah Yang Saya Mahu?

Ingatkah anda apa yang anda inginkan dalam hidup anda pada awal sesi hari ini? Apa kata anda catatkan itu pada ruang di bawah?

Menurut anda, adakah keinginan-keinginan anda selari dengan apa yang Tuhan mahu anda lakukan dalam mencari kerajaan-Nya terlebih dahulu? Beri alasan-alasan anda.

Apakah hal-hal yang patut anda utamakan dan usahakan jika anda ingin mencari dahulu kerajaan Allah?

Walaupun anda ingin melakukan apa yang patut dan berkenan di mata Tuhan, ini tidak bermakna anda bebas daripada ketegangan yang berpunca daripada hasrat ingin mencapai keselesaan hidup. Pergumulan yang akan dihadapi adalah lumrah. Bagaimana anda dapat mengatasi pergumulan ini?

Santapan Minda

“Sebenarnya anda tidak perlu takut untuk berterus-terang dengan Tuhan tentang rasa takut dan pergumulan anda. Dia memahami semua itu. Dia akan membantu anda jika anda ikhlas mahu melakukan apa yang benar di mata-Nya. Datanglah kepada Tuhan supaya Dia membantu anda dalam pergumulan-pergumulan ini.”


~ Goh Kim Guat



Doa

Berdoalah kepada Tuhan supaya Dia membantu anda untuk lebih memahami nilai-nilai-Nya. Berdoalah secara khusus untuk mencari dan mengutamakan Kerajaan Allah dan mula mengumpulkan harta di syurga dan bukannya di bumi sahaja.

Wang & Ringgit





Ayat Mas Alkitab

“Seorang hamba tidak dapat mengabdikan kepada dua tuan. Karena jika demikian ia akan membenci yang seorang dan mengasihi yang lain, atau ia akan setia kepada yang seorang dan tidak mengindahkan yang lain. Kamu tidak dapat mengabdikan kepada Allah dan kepada Mammon.”

(Lukas 16:13)



Kata-kata Mutiara

Allah memberi amaran kepada kita supaya jangan tamak menginginkan kekayaan kerana ia berupaya memperhambakan kita.



Aktiviti Bersama

Salahkah Kalau Ingin Kaya?

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan yang berikut:

- ❶ Pada pendapat anda, mengapa orang mahu menjadi kaya?
- ❷ Salahkah kalau kita ingin menjadi kaya?



Renungan Firman Tuhan

1. Adakah Alkitab melarang keras orang untuk menjadi kaya? (Amsal 10:22)
2. Kerakusan untuk menjadi kaya tidak digalakkan. Apa kata Raja Salomo di Amsal 13:11?

3. Orang kaya selalu diberi amaran tentang hubungan mereka dengan Tuhan. Apa kata Yesus tentang orang kaya dan kerajaan Allah? (Markus 10:23)
4. Mengapa sukar bagi orang kaya memasuki kerajaan Allah? (Markus 10:17-22)
5. Mengapa Yesus mengajar bahawa seseorang tidak boleh melayani dua tuan? (Lukas 16:13-15)
6. Apa amaran Paulus tentang orang yang berkeinginan menjadi kaya? (1 Timotius 6:1-10)
7. Mengapa Amsal 23:4-5 memberi amaran supaya jangan mengejar kekayaan?
8. Tidak salah menjadi kaya, tetapi kekayaan harus digunakan untuk apa? (Lukas 12:15-21)
9. Paulus juga memberi nasihat yang sama di 1 Timotius 6:17-19. Apakah itu?



Renungan Peribadi

Kenali Diri Sendiri

Dalam kumpulan masing-masing, bincangkan:

- Berapa pentingkah wang dan kebendaan kepada diri anda? Kongsikan secara jujur.
- Pelajaran apa yang anda pelajari hari ini?
- Baca Amsal 30:7-9. Bagaimana anda dapat tentukan apa yang tidak terlalu banyak atau tidak terlalu sedikit bagi diri anda?

Santapan Minda

“Saya percaya keupayaan untuk mendapatkan wang adalah satu kurniaan Allah. Ianya untuk dikembangkan dan digunakan bagi kebaikan umat manusia. Setelah diberkati dengan limpah kurnia yang saya miliki, saya percaya Tuhan memberi saya kebijaksanaan untuk mendapatkan wang, tetapi Dia juga mencabar saya menggunakan wang yang saya perolehi itu untuk kebaikan sesama manusia sesuai dengan hati nurani saya”

~ John D. Rockefeller



Doa

Berdoalah agar Tuhan membantu anda dalam menghadapi pergumulan-pergumulan yang bakal datang dalam usaha anda untuk hidup menurut nilai dan kehendak Tuhan. Berdoalah juga supaya anda akan ingat kepada amaran-amaran yang diberikan dalam Alkitab tentang bahaya mengejar kekayaan demi diri sendiri.

Hak Pengguna Saya?





Ayat Mas Alkitab

Kata-Nya lagi kepada mereka: “Berjaga-jagalah dan waspadalah terhadap segala ketamakan, sebab walaupun seorang berlimpah-limpah hartanya, hidupnya tidaklah tergantung dari pada kekayaannya itu.”
(Lukas 12:15)



Kata-kata Mutiara

Kita hidup dalam budaya yang semakin mementingkan kebendaan, di mana dorongan dan godaan yang kuat untuk terus memiliki semakin banyak harta benda.



Aktiviti Bersama

Siapa Yang Tentukan Nilai Saya?

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan:

Barang-barang Yang Saya Perlu	Barang-barang Yang Saya Sebenarnya Tidak Perlu.

Syarat apakah yang anda dan kumpulan anda akan gunakan untuk menentukan barang-barang mana yang sebenarnya tidak diperlukan?

Sekarang senaraikan pula barang-barang yang ada pada badan anda (pakaian, apa yang ada di dompet dan poket, telefon bimbit, cermin mata dan sebagainya). Tuliskan harga (atau anggaran harga) di sebelah setiap benda tersebut.

Senarai barang yang saya miliki sekarang	Harga/anggaran harga

Jumlah: RM _____

Bandingkan senerai anda dengan teman anda. Barang manakah yang mempunyai nilai lebih tinggi daripada barangan yang sama yang dimiliki oleh teman anda?



Renungan Firman Tuhan

Kita semua adalah materialistik, bukan? Begitu banyak dalam dunia ini yang menarik perhatian kita. Benda-benda itu menggoda kita agar kita mahu memiliki kesemuanya. Jika anda jujur dengan diri sendiri, anda sebenarnya mahu membeli segala yang anda sukai, yang dilihat oleh mata anda, jika anda mampu, bukan?

Tetapi patutkah umat Tuhan memiliki sikap sedemikian? Marilah kita selidiki bersama. Baca ayat-ayat Alkitab di bawah dan jelaskan dengan menggunakan perkataan anda sendiri.

1. Adakah tujuan utama dalam kehidupan kita ialah untuk mengumpul segala jenis harta kekayaan untuk diri sendiri? (Lukas 12:15)
2. Adakah berbaloi untuk anda kehilangan karunia kehidupan kekal kerana kekayaan/kebendaan? (Markus 8:34-37)
3. Dari manakah datangnya hasrat keinginan dan kemahuan untuk memiliki harta kekayaan ini? (1 Yohanes 2:15-17)
4. Apakah senjata rahsia yang boleh digunakan untuk menentang sifat mencintai wang? (Ibrani 13:5)

5. Apakah dosanya di sebalik keinginan kita untuk mengejar kebendaan? (Keluaran 20:17)

6. Apakah yang akan terjadi kepada kekayaan kita satu hari nanti? (Matius 6:19-20)



Renungan Peribadi

Menilai Semula Hak-Hak Pengguna Anda

Dalam kumpulan yang sama, bincangkan cara-cara praktikal yang boleh diamalkan ke arah mengurangkan keinginan terhadap kebendaan serta kurang mementingkan jenama.


*
* **Santapan Minda** *
*
* “Keasyikan untuk mengumpul hartalah yang menghalang *
* kita daripada hidup bebas dan mulia.” *
* ~ Bertrand Russell (1872-1970) *



Doa

Berdoalah kepada Tuhan supaya membantu anda dalam usaha mengurangkan sifat materialisma dan sikap hanya berfokus kepada keperluan sendiri. Berdoalah juga supaya anda belajar berpuas hati dengan menjalankan kehidupan yang lebih sederhana serta siap berkorban untuk orang lain.

Ini Kehidupan Saya!





Ayat Mas Alkitab

“Dengan apakah seorang muda mempertahankan kelakuannya bersih?
Dengan menjaganya sesuai dengan firman-Mu.” (Mazmur 119:9)



Kata-kata Mutiara

Dengan perubahan nilai-nilai dalam dunia hari ini, kita harus menjadikan Firman Tuhan sebagai standard bagi membantu kita mengenalpasti nilai-nilai yang betul dan berkenan di mata Tuhan.



Aktiviti Bersama

Saya Yang Akan Tentukan!

1. Apakah yang akan terjadi kepada masyarakat kita jika tidak ada standard tentang apa yang betul dan apa yang salah, di mana setiap orang bebas membuat keputusannya sendiri tentang apa yang betul atau salah?
2. Pada pendapat anda, dari manakah masyarakat kita mendapat hukum-hukum tentang apa yang betul dan salah?



Namun demikian, hukum dan undang-undang negara masih tidak meliputi setiap aspek kehidupan. Bolehkah anda berikan beberapa contoh?

Mengapa agaknya aspek-aspek ini tidak berada dalam liputan hukum dan undang-undang?

Dalam keadaan-keadaan sedemikian, siapakah yang menentukan apa yang betul atau salah?

3. Tentukan mana yang betul dan mana yang salah dengan menandakan ✓ pada ruangan yang sesuai.

Pernyataan	Betul	Salah	Tidak ada salah atau betulnya
Menonton filem atau website lucah			
Menjawab balik guru atau orang tua anda			
Mengeluarkan kata-kata kesat/maki/kotor			
Memberikan tempat duduk di atas bas kepada seorang wanita mengandung			
Membaca Alkitab setiap hari			
Membeli pakaian melebihi apa yang anda perlu			
Menertawakan seorang OKU			
Membantu ibu anda dengan kerja rumah			
Berkawan dengan seseorang yang tidak disetujui oleh ibu bapa anda			
Merokok sekali sekala ketika bersama-sama dengan kawan-kawan			



Renungan Firman Tuhan

1. Bilakah waktunya anda mendapati sukar sekali membezakan apa yang betul daripada yang salah?
2. Adakah anda membuat keputusan menurut perasaan anda tentang apa yang betul atau salah? Atau anda dapati bahawa anda mudah sekali dipengaruhi dengan pendapat-pendapat sahabat-handai atau apa yang popular?

3. Mazmur 119 merupakan satu mazmur yang agung tentang Firman Tuhan. (Mazmur ini juga menakjubkan kerana ia dibahagikan kepada 22 perenggan mengikut setiap huruf abjad Ibrani. Seterusnya dalam setiap perenggan, perkataan pertama setiap baris ayat bermula dengan abjad tersebut!). Baca ayat-ayat Alkitab berikut dan catatkan apa yang dikatakan tentang Firman Tuhan.

Mazmur 119:9	
Mazmur 119:89	
Mazmur 119:91	
Mazmur 119:105	
Mazmur 119:137-138	
Mazmur 119:160	



Renungan Peribadi

1. Apakah aspek-aspek yang anda dapati sangat sukar untuk membezakan antara nilai-nilai duniawi dan syurgawi? (Contohnya pilihan-pilihan kerjaya, cara menggunakan masa lapang, jenis musik yang didengar dan sebagainya)
2. Fikirkan apakah respon yang sesuai dengan nilai-nilai Tuhan untuk setiap satunya. Berikan sebab-sebab mengapa anda memilih tindakan-tindakan tersebut.



Doa

Luahkan semua pergumulan dan keperluan anda di hadapan takhta-Nya dan percayalah bahawa Dia pasti akan membantu anda sebagaimana yang dijanjikan-Nya. Doakan semoga Tuhan akan terus memimpin anda dalam usaha untuk menjauhkan diri daripada pengaruh-pengaruh duniawi. Doakan juga agar Tuhan mengurniakan kebijaksanaan dan kemurahan-Nya agar anda akan mengenali nilai-nilai-Nya dan memupuk nilai-nilai tersebut dalam kehidupan anda.

Jadikan Hidup Anda Terhitung





Ayat Mas Alkitab

“Tetapi hamba-Ku Kaleb, karena lain jiwa yang ada padanya dan ia mengikut Aku dengan sepenuhnya, akan Kubawa masuk ke negeri yang telah dimasukinya itu, dan keturunannya akan memilikinya.” (Bilangan



Kata-kata Mutiara

Kita memerlukan hati dan jiwa yang berbeza jika kita mahu hidup kita terhitung untuk Tuhan.



Aktiviti Impian Keemasan Anda Bersama

Dalam kumpulan empat atau lima orang, bincangkan:

Beberapa tahun yang lalu, TV3 mengadakan satu program televisyen yang bernama “*Benson and Hedges Golden Dreams*” (Impian-impian Keemasan Benson dan Hedges). Program ini menjemput peserta-peserta berumur 18 tahun ke atas menulis dan mengongsikan ‘Impian Keemasan’ masing-masing, iaitu satu-satunya hal yang mereka ingin lakukan jika mereka diberi peluang tersebut. Calon-calon yang berjaya akan diberi satu peluang merealisasikan impian mereka dan pengalaman mereka akan dirakam dan ditayangkan.

Sekiranya anda adalah salah seorang peserta tersebut, apakah cita-cita dan impian yang anda miliki yang diharapkan dapat direalisasikan?



Renungan Firman Tuhan

Pengubah-pengubah Dunia

Di bawah ini disenaraikan beberapa watak Alkitab yang telah menjadikan hidup mereka terhitung bagi Allah. Mereka digunakan oleh TUHAN Allah baik dalam cara-cara yang hebat atau yang biasa-biasa sahaja untuk mengubah hidup orang-orang di sekeliling mereka. Malah, ada di antara mereka yang telah mengubah haluan bangsa-bangsa!

Apa yang berbeza tentang mereka? Apakah yang menjadikan mereka *Pengubah Dunia* bagi Tuhan?

Baca petikan Alkitab yang tercatat di setiap nama/tokoh. Kemudian

Kaleb (Bilangan 14:20-24)	Daud (Mazmur 18:1-3)
Abraham (Ibrani 11:8-12)	Yesaya (Yesaya 6:1-8)
Maria (Lukas 1:26-38)	Paulus (1 Tesalonika 2:10-12)

tuliskan ciri-ciri yang menonjol dalam setiap tokoh tersebut.



Renungan Peribadi

Dikehendaki: Pengubah-pengubah Dunia bagi Tuhan!!

(Diperlukan: Kad manila, surat khabar lama, gunting, pelekat, pensel, pen)

1. Tetap berada dalam kumpulan masing-masing.
2. Setiap kumpulan akan diberi sekeping kad manila, beberapa helai suratkhbar lama, gunting, pelekat, pensel dan pen.
3. Tugas kumpulan anda adalah untuk melukiskan suatu poster '**Dikehendaki**' atau suatu iklan mencari orang yang mahu menjadi pengubah-pengubah dunia bagi Tuhan. Sifat-sifat dan ciri-ciri yang dikehendaki patut termasuk apa yang sudah dipelajari tadi. Anda boleh menggunting huruf-huruf daripada suratkhbar yang diberikan dan membentuk perkataan atau ayat anda untuk dilekatkan pada poster masing-masing.
4. Sediakan juga ruang dalam iklan atau poster anda untuk melekatkan 'gambar-gambar' mereka yang mahu membuat komitmen ini kepada Tuhan. Jika anda mahu membuat komitmen ini kepada Tuhan, maka anda boleh melukiskan wajah anda sendiri atau ahli kumpulan anda dalam ruang tersebut.

Santapan Minda

"Bukan apa yang saya lakukan itu yang penting, tetapi apa yang Allah memilih untuk melakukannya melalui saya. Allah tidak mahu kejayaan duniawi, Dia mahukan saya. Dia ingin hati saya taat kepada-Nya. Hidup ini bukan hanya untuk dihabiskan beberapa tahun untuk kesenangan diri dan kemajuan kerjaya. Tapi ini adalah satu hak istimewa, satu tanggung jawab, sebuah kepengurusan yang harus hidup sesuai dengan panggilan Tuhan yang lebih tinggi. Ini sajalah yang memberikan erti hidup sejati."

~ Elizabeth Dole



Doa

Ambil giliran untuk berdoa dan memohon kepada Tuhan untuk membantu anda dan teman-teman anda supaya menginginkan hati yang benar, agar anda dan rakan-rakan anda dapat membawakan perbezaan kepada orang lain demi kerajaan Allah.



Kehidupan Di Dunia Kerjaya



“Ia telah mempercayakan berita pendamaian itu kepada kami. Jadi kami ini adalah utusan-utusan Kristus, seakan-akan Allah menasihati kamu dengan perantaraan kami; dalam nama Kristus kami meminta kepadamu: berilah dirimu didamaikan dengan Allah.” (2 Korintus 5:19b-20)



Tuhan mahu hidup setiap kita terhitung bagi Dia, tidak kira apa sekali pun kerjaya kita. Melalui kehidupan kita, kita harus menyemai benih-benih kasih dan kemurahan Allah yang mengutus Yesus ke dunia untuk mati bagi dosa-dosa manusia.



Kerjaya Idamanku

(1) Apa jenis pekerjaan/kerjaya yang anda idamkan?

(2) Apa yang mendorong anda untuk memilih kerjaya tersebut?

(3) Bagaimana anda boleh menjadi garam dan terang di tempat kerja anda dengan kerjaya seperti itu?



1. Kita semua dipanggil untuk bekerja. Apa nasihat Paulus di 2 Tesalonika 3:10?

2. Menurut Paulus, siapakah kita tidak kira di mana saja kita berada?
(2 Korintus 5:17-21)
3. Apa tugas-tugas seorang duta/utusan menurut ayat tersebut?
4. Sebagai anak Tuhan, bagaimanakah sikap kita di tempat kerja?
(Efesus 6:5-8)
5. Mengapa kita harus bekerja seperti kita bekerja untuk Tuhan?
(Amsal 5:21; 15:3)
6. Bagaimana kita boleh menjadi terang dan garam dunia di tempat kerja kita?
7. Kenapa godaan untuk menerima rasuah dan mendapat wang yang banyak sangat besar di tempat kerja?
8. Apa kata Paulus tentang godaan seperti itu? (1 Timotius 6:10)
9. Bagaimana sikap kita supaya tidak tergoda untuk mengejar kekayaan terutama di tempat kita bekerja? (Filipi 4:11-13)



Renungan Peribadi

Renungkan ayat Alkitab ini dan fikirkan bagaimana anda boleh menjadi orang yang berbeza daripada teman-teman yang belum mengenal Tuhan di tempat kerja anda:

Hai hamba-hamba, taatilah tuanmu yang di dunia dengan takut dan gentar, dan dengan tulus hati, sama seperti kamu taat kepada Kristus, jangan hanya di hadapan mereka saja untuk menyenangkan hati orang, tetapi sebagai hamba-hamba Kristus yang dengan segenap hati melakukan kehendak Allah, dan yang dengan rela menjalankan pelayanannya seperti orang-orang yang melayani Tuhan dan bukan manusia. Kamu tahu, bahwa setiap orang, baik hamba, maupun orang merdeka, kalau ia telah berbuat sesuatu yang baik, ia akan menerima balasannya dari Tuhan. (Efesus 6:5-8)



Santapan Minda

“Hai hamba-hamba, taatilah tuanmu yang di dunia ini dalam segala hal, jangan hanya di hadapan mereka saja untuk menyenangkan mereka, melainkan dengan tulus hati karena takut akan Tuhan. Apapun juga yang kamu perbuat, perbuatlah dengan segenap hatimu seperti untuk Tuhan dan bukan untuk manusia. Kamu tahu, bahwa dari Tuhanlah kamu akan menerima bagian yang ditentukan bagimu sebagai upah. Kristus adalah tuan dan kamu hamba-Nya.”

~ Rasul Paulus (Kolose 3:22-24)




Doa

Jika anda masih belajar dan belum mula bekerja, berdoalah supaya Tuhan menyediakan anda untuk masuk ke alam kerjaya dengan satu hati, roh dan jiwa yang berlainan; supaya tetap dapat melayani-Nya dalam pekerjaan anda nanti.

Jika anda sudah pun bekerja, berdoalah agar Tuhan terus melindungi hati, roh dan jiwa anda terutama sekali bila berada di kalangan orang-orang yang belum percaya. Berdoalah agar Tuhan akan menggunakan anda sebagai garam dan terang di tempat kerja anda.

Melayani Sepenuh Masa





Ayat Mas Alkitab

Kata-Nya kepada mereka: "Tuaian memang banyak, tetapi pekerja sedikit. Karena itu mintalah kepada Tuan yang empunya tuaian, supaya Ia mengiriskan pekerja-pekerja untuk tuaian itu." (Lukas



Kata-kata Mutiara

Tuhan memanggil orang-orang tertentu untuk melayani-Nya sepenuh masa supaya mereka boleh menumpukan seluruh perhatian, masa dan tenaga mereka ke arah membina kerajaan-Nya.



Aktiviti

Bersama

Melayani Sepenuh Masa

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan:

1. Adakah anda setuju mereka yang melayani sepenuh masa adalah lebih mulia, banyak berkorban dan kudus daripada mereka yang bekerja di sektor sekular? Berikan alasan-alasan anda.
2. Adakah melayani sepenuh masa hanya untuk mereka yang bekerja di gereja (pastor, admin, pelayanan kanak-kanak, muda-mudi dsbnya)? Beri alasan anda.
3. Adakah anda juga boleh dianggap sebagai pelayan Tuhan sepenuh masa? Beri alasan.
4. Benarkah orang yang masuk ke pelayanan (terutama sekali pastor) adalah mereka yang tidak mempunyai pilihan lain kerana susah mendapat pekerjaan? Beri alasan anda.



Renungan Firman Tuhan

1. Di Perjanjian Lama, Allah telah memanggil orang-orang tertentu untuk melayani-Nya sepenuh masa. Siapakah orang-orang ini dan apakah tugas-tugas mereka? (Keluaran 28:1)
2. Allah juga telah memilih segolongan orang untuk membantu para imam. Siapakah mereka dan apakah tugas-tugas mereka (Bilangan 18:1-7)
3. Dalam Perjanjian Baru, apa yang menyebabkan para rasul memilih orang-orang untuk melayani Tuhan sepenuh masa? (Kisah Para Rasul 6:1-4)
4. Mengapa pentadbiran gereja harus diurus oleh mereka yang dalam sepenuh masa? (Kisah Para Rasul 6:4, 7)
5. Kenapa kita harus mendoakan lebih ramai orang untuk masuk ke pelayanan sepenuh masa? (Lukas 10:1-2)
6. Bagaimana pekerja-pekerja ini dapat melayan sepenuh masa di ladang Tuhan?
7. Apa nasihat Paulus dalam menggalakkan orang untuk masuk dalam pelayanan? (1 Korintus 7:21-23)
8. Mengapa kita harus mengutamakan pelayanan Tuhan? (1 Yohanes 4:19)



Renungan Peribadi

Renungkan ayat di bawah ini, kemudian tuliskan bagaimana gereja boleh menyiapkan jemaat-Nya untuk sama-sama bekerja di ladang Tuhan yang sudah siap dituai:

Yesus berkata, "Tuaiian memang banyak, tetapi pekerja sedikit. Kerana itu mintalah kepada Tuan yang empunya tuaiian, supaya Dia mengirinkan pekerja-pekerja untuk tuaiian itu." (Lukas 10:2)

Santapan Minda

"Tuhan mempunyai pekerjaan di dunia ini; jika kita meninggalkannya kerana kesulitan adalah seperti meniadakan kuasa-Nya. Tidakkah mencukupi untuk kita hanya berlaku adil, menjadi orang yang benar, dan berjalan dengan Allah dalam kekudusan; tetapi kita juga harus melayani generasi kita, seperti Daud lakukan sebelum dia meninggal. Tuhan mempunyai suatu pekerjaan yang harus dilakukan, dan untuk tidak membantu-Nya adalah sama seperti untuk menentang-Nya."

~ John Owen



Doa

Buka hati anda untuk Tuhan dan bersikap terbuka kepada-Nya sekiranya Tuhan berbicara memanggil anda untuk menyerahkan hidup untuk perkhidmatan pelayanan Kristian sepenuh masa. Serahkan semua kekhuatiran dan pergumulan anda kepada-Nya.



Kehidupan Di Ladang Tuhan





Ayat Mas Alkitab

Tetapi bagaimana mereka dapat berseru kepada-Nya, jika mereka tidak percaya kepada Dia? Bagaimana mereka dapat percaya kepada Dia, jika mereka tidak mendengar tentang Dia. Bagaimana mereka mendengar tentang Dia, jika tidak ada yang memberitakan-Nya? Dan bagaimana mereka dapat memberitakan-Nya, jika mereka tidak diutus? Seperti ada tertulis: "Betapa indahnya kedatangan mereka yang membawa kabar baik!" (Roma 10:14-15)



Kata-kata Mutiara

Strategi Tuhan untuk menyampaikan berita Injil kepada mereka yang belum pernah mendengarkan ialah dengan car mengutus umat-Nya membawa berita Injil tersebut.



Aktiviti Bersama

Dalam kumpulan 4-5 orang, baca petikan Alkitab di bawah ini dan bincangkan:

Yesus berkata: "Kepada-Ku telah diberikan segala kuasa di syurga dan di bumi. Kerana itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus, dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman." (Matius 28:18-20)

1. Adakah perintah ini hanya untuk mereka yang mempunyai panggilan menjadi misionaris? Berikan alasan anda.
2. Adakah kita semua boleh dianggap sebagai misionaris (duta-duta/utusan-utusan) Tuhan? Beri alasan anda.




Renungan Firman Tuhan

1. Apa kaitan Amanat Agung dengan misi? (Lukas 24:47)
2. Hasrat Tuhan adalah semua orang diselamatkan. Bagaimana orang yang belum percaya boleh mendengar tentang penyelamatan Yesus? (Roma 10:14-15)
3. Prinsip apakah yang harus ada untuk menghantar orang ke ladang misi? (Kisah Para Rasul 13:3)
4. Apa tanggungjawab gereja terhadap missionaris yang mereka utus? (Filipi 4:16)
5. Kenapa gereja harus menyokong para missionaris? (3 Yohanes 5, 7)
6. Apa tugas-tugas seorang missionaris? (Kejadian 12:1; Mazmur 96:2,3)
7. Apa janji Tuhan kepada seorang missionaris tentang mandat yang Dia telah berikan? (Yesaya 49:6)
8. Mengapa nama Tuhan harus dikhabarkan kepada bangsa-bangsa? (Malaekhi 1:11)
9. Prinsip apa yang harus dipegang oleh seorang missionaris? (Roma 15:20)



Renungan Peribadi

Tuliskan apa yang terlintas dalam fikiran anda tentang perkongsian tetamu hari ini...



Santapan Minda

“Mengapa ada orang Kristian yang sanggup melintasi darat dan laut, benua dan budaya, sebagai missionaris? Ia bukan tentang mengagungkan sebuah peradaban, institusi atau ideologi, melainkan demi seorang yang bernama Yesus Kristus, yang mereka percaya adalah Tuhan mereka. Kami tidak mempunyai mesej yang lain melainkan tentang kasih Yesus dari Nazareth dan penyelamatan-Nya”

~ John Stott, *The Incomparable Christ*

[Downers Grove, IL: InterVarsity Press, 2001]



Doa

Luangkan waktu untuk mendoakan beberapa pokok-pokok doa seperti yang telah dikongsikan oleh tetamu hari ini. Doakan hadirat dan perlindungan Tuhan supaya tetap menyertai para missionaris sepanjang mereka melayani Tuhan di mana-mana sahaja mereka sudah ditempatkan. Doakan agar Tuhan akan mengurniakan kebijaksanaan, kekuatan dan kesabaran kepada mereka semasa mereka menyampaikan Berita Baik Injil kepada suku-suku yang belum mengenal Yesus.



Panduan Pembimbing

Sesi 1: Harta Yang Tersembunyi



Objektif-Objektif Sesi

1. Menentukan apa yang mereka utamakan sebagai kepentingan dalam kehidupan mereka.
2. Memahami bahawa Tuhan mengetahui keperluan mereka dan akan menyediakan bagi mereka tetapi mereka harus mencari kerajaan-Nya terlebih dahulu.
3. Mengetahui bahawa Tuhan mahu mereka mengumpulkan harta di syurga dan bukannya di dunia.
4. Membawa pergumulan-pergumulan masing-masing kepada Allah dalam usaha memupuk nilai-nilai ini bagi diri mereka.



Pencetus Minat

Kebahagiaan Sejati?

Tujuan aktiviti ini ialah supaya para peserta dapat merenung dan menilai apakah sebenarnya kebahagiaan dalam hidup.

1. Bahagikan mereka kepada empat atau lima orang sekumpulan.
2. Huraikan scenario berikut kepada mereka:

Bayangkan anda adalah seorang penulis. Anda mendapat ilham baru bagi sebuah cerita. Ianya mengenai seorang budak lelaki yang membesar di sebuah rumah yatim piatu dan menderita bertahun-tahun di sana. Selama berada di rumah yatim piatu, impiannya ialah mencapai kebahagiaan. Bagaimana anda akan mengembangkan jalan cerita ini? Kebahagiaan yang bagaimanakah yang akan ditemui oleh anak muda ini?

3. Minta mereka fikirkan dan kemudian kongsiikan di antara mereka.
4. Minta beberapa orang berkongsi cerita mereka kepada seluruh kumpulan.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Kita semua mempunyai pendapat yang berlainan tentang apakah yang kita mahu dalam kehidupan, bukan?
2. Bagi anak muda dalam cerita anda, dia mahu hidupnya bahagia. Itulah tujuan hidupnya kerana dia tidak pernah mengalami kebahagiaan dan kegembiraan semasa dia membesar.

3. Apakah yang anda mahu capai dalam kehidupan anda? (*Minta mereka bincangkan dalam kumpulan masing-masing*)
4. (*Minta seorang daripada setiap kumpulan berkongsi perbincangan masing-masing*).
5. Dikatakan dalam masyarakat yang berkembang pesat sekarang, ramai orang mengejar “5 inti kehidupan”. Mereka percaya inilah yang akan membawakan kebahagiaan dan kepuasan hidup. (*Minta mereka teka apakah “5 inti” itu. Beritahu mereka dalam Bahasa Inggeris ianya disebut 5Cs*)
6. “5 inti” itu ialah wang (cash), kad kredit (credit card), kondominium (condominium), kereta (car) dan kerjaya (career); tetapi tidak semestinya menurut urutan tersebut.
7. Kelihatannya itulah yang menjadi nilai dan keutamaan yang membentuk ramai belia hari ini. Mereka percaya hidup adalah untuk mencapai kejayaan dalam kelima-lima aspek tersebut.
8. Sebagai seorang Kristian, nilai-nilai apakah yang patut membentuk hidup anda? Apakah yang anda anggap sangat penting dalam kehidupan anda? Inilah yang akan kita pelajari pada hari ini.
9. Sesi hari ini adalah mengenai apakah yang sepatutnya menjadi paling penting dalam kehidupan anda sebagai seorang Kristian.

B. Harta Duniawi

1. Berlainan orang mempunyai pendapat berbeza tentang apa yang paling penting dalam kehidupan mereka.
2. (*Rujuk kepada beberapa hal yang mereka kemukakan tadi*)
3. Ada orang mengejar apa yang mereka panggil sebagai ‘hidup bahagia’. Selagi mereka mempunyai kerjaya yang baik, wang dan segala kebendaan yang dapat dibeli dengan wang, mereka berpendapat mereka sudah berjaya. Mereka percaya inilah yang akan memberi mereka keselamatan, keselesaan dan kebahagiaan.
4. Ada pula orang yang mencari kebahagiaan dalaman, seperti kedamaian, kesihatan, kegembiraan dan sebagainya. Mereka berpendapat bahawa walaupun anda memiliki segala “kebendaan” namun hal-hal itu tidak boleh memberikan anda ketenangan dan kebahagiaan.
5. Sebenarnya, kita hanya mahu memenuhi keperluan kita sendiri, bukan?
6. Kita mahu hidup bahagia, hidup selesa demi kesenangan kita sendiri. Kita mahu kebahagiaan dalaman, yang juga untuk diri kita sendiri.
7. Apa agaknya pandangan Tuhan mengenai hal ini? (*Biar mereka*

memberi respon)

C. Harta Syurgawi

1. Kerajaan Allah, bukan Kerajaan Kita

- a. Yesus mengatakan kita tidak patut hidup seperti mereka yang tidak mengenali Tuhan (Lukas 12: 29-30).
- b. Mereka hidup mengusahakan kepuasan keperluan mereka sendiri – apa yang mereka makan, apa yang mereka pakai, apa yang mereka miliki.
- c. Keutamaan mereka hanyalah mengusahakan dan membina kerajaan masing-masing.
- d. Sebagai anak-anak Tuhan, kita dikehendaki memupuk nilai-nilai yang berlainan. Kita perlu sedar bahawa terdapat hal-hal yang lebih penting dalam hidup selain daripada merisaukan tentang keperluan-keperluan kita sahaja.
- e. Yesus bukan bermaksud kita langsung tidak memikirkan tentang hal-hal ini. Apa yang dimaksudkan-Nya ialah hal-hal ini tidak sepatutnya menjadi kepentingan yang paling utama dalam kehidupan kita sebagai umat Allah.
- f. Dia meyakinkan kita bahawa Allah mengetahui segala keperluan kita. Jika Allah boleh menjaga dengan baik dunia ciptaan-Nya, tentu sekali Dia akan lebih menjaga kita ciptaan-Nya yang paling dihargai-Nya.
- g. Sebagai anak-anak Tuhan, kita harus mengutamakan kerajaan-Nya terlebih dahulu dan Dia akan memenuhi keperluan-keperluan kita.
- h. Apakah maknanya ‘mencari kerajaan Allah’? (*Biar mereka memberi respon. Suruh mereka rujuk kepada Matius 6:33. Minta seseorang membacakannya*).
- i. Yesus mengajar kita supaya jangan mengikut naluri semulajadi manusia iaitu menjaga keperluan sendiri, tetapi sebaliknya kita harus mengutamakan hal-hal kerajaan Allah. Nilai-nilai Tuhan dan apa yang dianggap penting oleh Tuhan, itulah yang menjadi pedoman bagaimana kita harus hidup.
- j. Apakah yang dimaksudkan dengan nilai-nilai Tuhan? (*Biar mereka memberi respon*).
- k. Sambil kita berusaha memupuk nilai-nilai Tuhan, marilah kita menjalani hidup yang melayani Dia dan yang berkenan kepada -Nya.
- l. Yesus merupakan teladan yang terbaik. (*Suruh mereka baca Markus 10:45 dan minta seseorang membacakannya*)
- m. Tujuan hidup Yesus ialah menyerahkan hidup-Nya demi orang lain. Dia tidak hidup untuk diri-Nya sendiri atau pun membina

kerajaan untuk Diri-Nya sendiri di bumi.

- n. Jadi, nilai-nilai hidup kita harus berlainan daripada mereka yang tidak mengenali Tuhan. Kita hidup demi Tuhan dan demi orang lain, bukan hanya untuk diri sendiri.
- o. Jika kita berbuat demikian, Tuhan berjanji Dia akan memenuhi segala keperluan kita.

2. Harta di Syurga, Bukan di Bumi

- a. Yesus memberitahu kita supaya jangan mengumpul harta di bumi kerana akhirnya ia akan musnah (ayat 33). Apakah yang Dia maksudkan? (*Biar mereka memberi respon*)
- b. Dia merujuk kepada kekayaan dan kebendaan. Semua ini tidak memiliki nilai kekal kerana kekayaan dan harta pusaka itu akan binasa atau dicuri atau terpaksa ditinggalkan selepas kita meninggalkan dunia kelak.
- c. Kita hidup bukan semata-mata mengejar kebendaan yang tidak memiliki nilai kekal.
- d. Yesus memberitahu kita supaya jangan khuatir kalau-kalau keperluan-keperluan kita tidak dipenuhi. Menurut Yesus, Allah ingin sekali memberikan kerajaan-Nya kepada kita (ayat 32) kerana segala milik Allah akhirnya akan menjadi milik kita juga.
- e. Sebaliknya, kita harus mengongsikan harta benda kita kepada mereka yang miskin dan memerlukan. Dengan cara ini, semasa kita masih hidup di bumi, kita sebenarnya mula mengumpul harta di syurga (ayat-ayat 33-34).
- f. Adakah Yesus menyuruh kita menjualkan segala yang kita punyai? Adakah ini bermakna jika kita mahu harta di syurga, kita tidak boleh memiliki sesuatu pun di bumi? (*Biar mereka memberi respon*)
- g. Yesus tidak menyuruh kita menjual segala yang kita miliki. Dia menyeru kita supaya menggunakan kekayaan duniawi dan harta milik kita untuk membantu orang lain dan bukannya menyimpan untuk diri sendiri sahaja.
- h. Inilah caranya kita mengumpulkan harta di syurga. Kita mungkin miskin di bumi tetapi harta kita akan banyak di syurga.
- i. Nilai ini sememangnya bertentangan dengan nilai duniawi. Tiada seorang yang waras akan menggunakan kekayaan atau harta miliknya untuk orang lain terlebih dahulu. Paling banyak, mereka akan menggunakan apa yang tertinggal atau sisanya untuk orang lain. (*Rujuk mereka kepada cerita tentang persembahan janda yang miskin di Lukas 21:1-4*).
- j. Apa yang Yesus mahu kita lakukan memang tidak mudah, bukan? Namun, itulah perspektif yang harus kita pupuk tentang

hidup dan tujuan-tujuan hidup mulai sekarang sebelum terlambat.

- k. Anda perlu belajar memupuk nilai-nilai Tuhan bagi hidup anda, walaupun sukar untuk diterima. Hanya dengan berpegang kepada nilai-nilai ini, akhirnya anda akan memiliki harta yang paling bernilai iaitu kerajaan Allah itu sendiri.



Doa

Berdoalah kepada Tuhan supaya Dia membantu mereka untuk lebih memahami nilai-nilai-Nya. Berdoalah secara khusus supaya mereka akan mencari dan mengutamakan Kerajaan Allah dan mula mengumpulkan harta di syurga dan bukannya di bumi sahaja.

Sesi 2 : Wang & Ringgit



Objektif-Objektif Sesi

1. Mempelajari bahawa walaupun Alkitab tidak mengutuk kekayaan itu sendiri, ia tetap memberi amaran tentang bahaya menginginkan kekayaan dan harta benda.
2. Menyedari bahawa mereka berhadapan dengan risiko kehilangan kesetiaan kepada Tuhan jika mereka menginginkan kekayaan.
3. Mengetahui bahawa kekayaan harus digunakan untuk orang lain dan bukannya untuk diri sendiri sahaja.
4. Memikirkan respon masing-masing terhadap cara hidup yang tidak mengejar kekayaan.



Pencetus Minat

Berbelanja Sehingga Tidak Larat (20-25 minit)

(Diperlukan: Cek palsu, sampul surat, gambar atau iklan, 'borang pesanan/langganan', pensel, papan tulis, pen)

Permainan ini bertujuan membantu para peserta mengetahui bagaimana mereka membelanjakan wang mereka.

1. Bahagikan para peserta kepada empat atau lima orang sekumpulan.
2. Sediakan beberapa keping cek palsu terlebih dahulu dengan jumlah yang berlainan – daripada RM5000 kepada RM1,000,000.
3. Masukkan setiap cek itu ke dalam sampul surat yang berasingan dan edarkan sekeping sampul kepada setiap orang yang hadir.
4. Suruh mereka bayangkan apa yang akan mereka lakukan jika mereka benar-benar menerima jumlah wang ini.
5. Sediakan meja atau papan notis – letakkan gambar-gambar atau iklan-iklan berbagai barangan seperti kereta mewah, rumah, pakej-pakej perlancongan, televisyen LCD, akaun-akaun bank, pertubuhan-pertubuhan Kristian dan sebagainya. Tuliskan 'harga' di sebelah setiap barangan tersebut.
6. Sediakan borang pesanan/langganan bagi setiap orang.
7. Berikan setiap orang borang pesanan/langganan untuk membeli, melabur atau menderma apa-apa barangan yang mereka suka, selagi mereka mampu membayar. Mereka juga boleh menggabungkan wang bersama jika mereka mahu.
8. Suruh mereka mengisi borang pesanan/langganan masing-masing dan menyerahkan kembali kepada anda.
9. Kumpulkan semua borang dan bandingkan dengan senarai semua barangan yang dipesan di atas papan tulis.

10. Minta mereka bincangkan hal-hal berikut dalam kumpulan masing-masing:
 - *Apakah perasaan mereka terhadap pembahagian wang yang tidak sama rata?*
 - *Bagaimana mereka belanjakan wang itu dan mengapa mereka membuat pilihan-pilihan tersebut?*
11. Kemudian minta seorang wakil daripada setiap kumpulan mengongsikan apa yang mereka sudah bincangkan.
12. Bincang bersama mereka nilai-nilai yang dicerminkan oleh barangan-barangan yang mereka beli dan cara mereka berbelanja.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Kita tidak dapat menafikan bahawa wang merupakan bahagian yang amat penting dalam hidup.
2. Kita tidak boleh meneruskan kehidupan dalam masyarakat moden tanpa memiliki wang. Cara lama menggunakan sistem tukar menukar barang tidak lagi wujud kecuali dalam segelintir masyarakat primitif.
3. Soalnya bukanlah sama ada anda perlukan wang untuk hidup, tetapi berapa banyak wang yang anda perlukan.
4. Jumlah yang dianggap mencukupi bagi seseorang hidup selesa mungkin tidak mencukupi bagi seseorang yang lain.
5. Apa yang dianggap oleh seseorang sebagai barangan mewah mungkin merupakan barangan keperluan oleh seorang yang lain.
6. Apakah perasaan anda apabila anda mendapati jumlah wang yang anda terima itu kurang daripada yang lain? *(Biar mereka yang menerima jumlah yang lebih kecil memberi pendapat mereka. Minta mereka berikan sebab-sebabnya juga)*
7. Biasanya, semua orang mahukan wang yang banyak supaya boleh berbelanja apa sahaja yang diinginkan, bukan?
8. Soalan yang seterusnya ialah bukan berapa banyak wang yang ada tetapi bagaimana anda berbelanja wang itu.
9. *(Suruh mereka rujuk kepada bagaimana mereka 'berbelanja tadi'. Adakah sesiapa di antara mereka yang menyimpan atau mendermakan sebahagian daripada wang mereka untuk menolong orang lain?)*
10. Anda telah ketahui daripada sesi sebelum ini bahawa Tuhan menyeru kita mencari dan mengutamakan kerajaan-Nya sebelum kita membina kerajaan kita sendiri.
11. Bagaimana nilai ini dikaitkan kepada isu wang dan harta milik? Inilah yang kita mahu pelajari dengan lebih mendalam dalam sesi hari ini.

B. Bagaimana Dunia Memandang Kekayaan

1. Seperti yang dikatakan tadi, wang adalah sebahagian daripada keperluan hidup.
2. Masalahnya bukanlah keperluan wang tetapi keinginan untuk memilikinya. Berapa banyak wang yang kita perlukan dan berapa banyak yang kita ingin miliki?
3. Bagi sesetengah orang, wang adalah tuhan mereka. Segalanya mengenai wang dan apa yang boleh dibeli oleh wang. Cita-cita hidup mereka ialah menjadi kaya.
4. Ramai yang berpendapat bahawa mereka boleh mendapatkan segala yang baik dalam kehidupan dengan kekayaan mereka; dan itu akan memberikan mereka keselamatan dan jaminan yang mereka perlukan.
5. Melalui semua ini, mereka berpendapat mereka akan mencapai kebahagiaan dan kepuasan hidup.
6. Pada pendapat anda, bolehkah anda beli kebahagiaan dan kepuasan hidup dengan wang? (*Biar mereka memberikan respon*)
7. Masalahnya, berapa banyak wang diperlukan baru mencukupi untuk mendapatkan kebahagiaan yang kita idamkan? Sudah menjadi kebiasaan semakin banyak wang/kebendaan yang dimiliki, semakin banyak pula yang diingini.
8. Sesetengah orang yang paling kaya di dunia berpendapat apa yang mereka miliki masih tidak mencukupi bagi mereka.
9. Ramai orang mendapati bahawa kekayaan tidak menjamin kebahagiaan.
10. Malah ramai orang kaya merasa kekosongan dalam kehidupan mereka. Mereka mungkin memiliki banyak harta dan mempunyai cukup wang untuk membeli apa sahaja, tetapi mereka merasakan ada suatu kekosongan yang tidak boleh dipenuhi dengan wang semata-mata.
11. Pedoman apa yang dapat kita temui dalam Alkitab untuk membantu kita menentukan apakah sikap kita terhadap wang dan kekayaan?

C. Bagaimana Tuhan Memandang Kekayaan

- i. Suruh mereka tetap berada dalam kumpulan yang sama.
- ii. Edarkan sekeping kertas dan sebatang pensel kepada setiap kumpulan.
- iii. Tuliskan ayat-ayat berikut di atas papan tulis:

Lukas 16:1-15	1 Timotius 6:6-10, 17-19
Markus 10:17-31	Lukas 12:13-21
- iv. Jelaskan bahawa anda mahu mereka menyelidiki apa yang dikatakan oleh Alkitab tentang tiga hal yang berkaitan dengan kekayaan: *orang kaya; keinginan terhadap kekayaan;*

kegunaan kekayaan.

- v. Suruh mereka baca bahagian-bahagian Alkitab di atas dan perhatikan apa pemahaman yang dapat mereka perolehi daripada bahagian-bahagian tersebut untuk menjelaskan perspektif Alkitab tentang ketiga-tiga isu ini.
- vi. Minta seseorang merekodkan perbincangan mereka.
- vii. Kemudian minta seorang wakil daripada setiap kumpulan mengongsikan perbincangan kumpulan masing-masing.
- viii. Ringkaskan seperti berikut, sambil merujuk kepada perbincangan mereka di mana bersesuaian:

1. Orang Kaya (Markus 10:17-31; Lukas 16:13-15)

- a. Dalam Perjanjian Lama dan Baru, orang yang kaya selalu diberi amaran bahawa hubungan mereka dengan Tuhan tergugat.
- b. Menurut Yesus, sukar bagi orang kaya memasuki kerajaan Allah (Markus 10:23). Pada pendapat anda, mengapakah demikian? *(Biar mereka memberi respon)*
- c. Ini adalah kerana besar kemungkinan, kekayaan sudah menjadi tuhan mereka. Dengan itu, tiada lagi keinginan mendampingi Tuhan atau pun ruang dalam hati mereka bagi Tuhan.
- d. Inilah yang terjadi kepada orang muda yang kaya itu. Kekayaannya begitu bernilai kepadanya sehinggakan dia tidak rela melepaskan kekayaan demi mendapat kehidupan kekal.
- e. Yesus mengajar bahawa seseorang tidak boleh melayani dua tuan (Lukas 16:13). Mengapakah demikian? *(Biar mereka memberi respon)*
- f. Yesus tahu bahawa tidak mungkin seorang manusia mengasihi atau mengutamakan dua hal dengan kesungguhan yang sama.
- g. Tuhan mahu penyerahan sepenuhnya daripada kita kerana Dia tahu jika kita harus pilih antara Dia dan kekayaan, kita sebagai orang berdosa, akan memilih kekayaan.
- h. Kita akan mengalihkan kepercayaan dan keselamatan kita kepada kekayaan dan bukannya kepada Tuhan.
- i. Jadi, bahaya menjadi kaya ialah kekayaan akan menjauhkan diri kita daripada kasih pertama dan penyerahan kita kepada Tuhan. Bagi sesetengah orang, itu mungkin bermakna cinta mereka terhadap kekayaan akan menghalang mereka daripada memasuki kerajaan Allah kerana mereka tidak sanggup mengorbankan kekayaan demi Tuhan.

2. Keinginan Terhadap kekayaan (1 Timotius 6:6-10)

- a. Paulus juga memberi amaran terhadap keinginan menjadi kaya. Apakah sebab yang diberikannya? *(Biar mereka memberi respon)*
- b. Ingin menjadi kaya akan menggoda seseorang melakukan hal yang bodoh atau yang merosakkan. Sebab itu, ramai orang

akhirnya binasa atau menyimpang daripada iman mereka kerana terlalu asyik mengejar kekayaan.

- c. Mencintai wang atau mengingini kekayaan merupakan sumber segala kejahatan (ayat 10). Ramai orang sanggup melakukan apa sahaja demi mahu menjadi kaya. Ada yang sanggup merompak atau menipu; yang lain pula sanggup membunuh semata-mata kerana mereka tamak.
 - d. *(Suruh mereka buka Amsal 23:4-5. Minta seseorang membaca ayat-ayat tersebut)*
 - e. Amsal memberi amaran supaya jangan mengejar kekayaan kerana kekayaan hanya sementara dan akan hilang dengan cepat.
 - f. Wang hanya dapat membeli benda-benda. Kebahagiaan dan kehidupan kekal bukanlah barangan jualan.
 - g. Oleh itu, walaupun Alkitab tidak menghalang kita menjadi kaya atau menginginkan kekayaan, namun ia memberi kita amaran terhadap bahaya-bahayanya.
- 3. Kegunaan Kekayaan** (Lukas 12:13-21; 16:1-15; 1 Timotius 6:17-19)
- a. Pada umumnya, orang yang menginginkan kekayaan adalah untuk apa? *(Biar mereka berikan respon)*
 - b. Biasanya, kita inginkan kekayaan untuk memenuhi keperluan-keperluan kita sendiri. Apakah yang dibuat dengan harta miliknya oleh lelaki kaya dalam perumpamaan Lukas 12 (Lukas 12:13-21)? *(Biar mereka berikan respon)*
 - c. Dia mengumpul harta untuk dirinya sendiri dan menggunakan kekayaan untuk keperluannya sendiri – untuk menikmati segala yang baik dalam hidup.
 - d. Apakah amaran yang diberi oleh Yesus terhadap sikap sedemikian? *(Biar mereka berikan respon)*
 - e. Yesus memberi amaran kepada kita supaya jangan berpendapat bahawa hidup kita hanya berkisar sekitar harta kekayaan yang kita kumpul untuk diri sendiri serta dinikmati sendiri.
 - f. Kita diseru menjadi kaya terhadap Tuhan dan bukannya terhadap diri sendiri. Kekayaan kita bukan untuk kegunaan sendiri sahaja.
 - g. Yesus menggunakan perumpamaan dalam Lukas 16 untuk menunjukkan kepada kita bahawa kita harus menggunakan kekayaan dan harta milik kita dengan bijak untuk manfaat orang lain (ayat 9). Jika kita tidak bertanggungjawab mempergunakan kekayaan kita dengan bijak semasa di bumi, Allah tidak akan dipercayai kita dengan kekayaan-Nya yang sejati di syurga (ayat-ayat 10-11).
 - h. Bila kita bertanggungjawab menggunakan apa yang

diamanahkan-Nya kepada kita, maka Tuhan akan menjadi majikan dan Tuan kita. Tetapi jika kita membenarkan kekayaan mengawal hidup kita, kita sebenarnya menjadikan kekayaan (*Mamon*) itu sebagai tuhan kita (*ayat 13*).

- i. Paulus mengatakan hal yang sama dalam 1 Timotius. Dia menyeru mereka yang kaya untuk meletakkan harapan dan dipercayai Tuhan, dan bukannya pada kekayaan mereka. Mereka harus bermurah hati, rela berkongsi dan menggunakan kekayaan mereka untuk berbuat baik. Beginilah caranya mereka mengumpulkan harta di syurga.
- j. Walaupun tiada perintah dalam Alkitab yang melarang kita menjadi kaya, kita diingatkan dengan tegas bahawa terdapat banyak bahaya, risiko dan godaan untuk menjadi kaya. Dengan itu, kita diberi amaran terhadap menginginkan kekayaan untuk diri sendiri kerana ia dapat menjauhkan kita daripada apa yang paling penting dalam kehidupan kita – Tuhan sendiri.
- k. Kita seharusnya mengejar Tuhan dan bukannya kekayaan.
- l. Secara bandingan, kekayaan adalah relatif. Mungkin anda merasakan diri anda tidak kaya, tetapi berbanding dengan seseorang daripada sebuah kampung di hutan Sarawak atau India atau Etiopia, anda mungkin dianggap sangat kaya.
- m. Tujuan unggul atau daya penggerak dalam hidup tidak seharusnya hanya demi mengumpul harta kekayaan. Mencari Tuhan dan mengutamakan kerajaan-Nyalah yang harus mengambil tempat pertama. Tuhan tahu bagaimana mencukupi keperluan kita.
- n. Jika kita diberkati dengan kekayaan, kita harus belajar menggunakannya dengan bijak dan bertanggungjawab demi manfaat orang lain. Dengan cara itu, kita menjadi kaya terhadap Tuhan dan mengumpulkan harta di syurga dan bukannya di bumi.



Doa

Berdoalah agar Tuhan membantu anda dalam menghadapi pergumulan-pergumulan yang bakal datang dalam usaha anda untuk hidup menurut nilai dan kehendak Tuhan. Berdoalah juga supaya anda akan ingat kepada amaran-amaran yang diberikan dalam Alkitab tentang bahaya mengejar kekayaan demi diri sendiri.

Sesi 3 : Hak Pengguna Saya?



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa mereka hidup dalam budaya yang semakin mementingkan kebendaan di mana terdapat dorongan dan godaan kuat untuk terus memiliki semakin banyak harta benda.
2. Mengetahui sama ada mereka memiliki banyak benda yang sebenarnya mereka tidak perlukan.
3. Berbincang dan mengemukakan saranan-saranan bagaimana mereka dapat mengurangkan sifat materialistik dan mementingkan jenama.



Pencetus Minat

Mampukah Anda Membeli?

(Diperlukan: Iklan-iklan, kertas, pensel)

Tujuan aktiviti ini ialah supaya para peserta meneka produk-produk menerusi iklan-iklan yang diberikan kepada mereka.

1. Bahagikan para peserta kepada tiga atau empat orang sekumpulan.
2. Edarkan sekeping kertas dan sebatang pensel kepada setiap kumpulan.
3. Sediakan terlebih dahulu satu senarai cogan kata iklan-iklan yang popular yang sering ditayangkan di televisyen atau disiarkan di radio.
4. Jelaskan bahawa anda akan baca satu baris daripada setiap iklan dan mereka harus tuliskan tekaan masing-masing di atas kertas yang diberikan tadi.
5. Sebelum anda bermula, minta setiap orang dalam kumpulan masing-masing mencatatkan iklan yang paling mereka gemari. Jelaskan bahawa mereka akan diberikan satu markah bonus jika iklan kegemaran mereka turut ditemui dalam senarai anda.
6. Kemudian bacakan senarai cogan kata tersebut dan suruh mereka tuliskan jawapan mereka.
7. Setiap jawapan yang betul akan mendapat satu markah.
8. Kumpulan yang mempunyai markah paling banyak adalah pemenang.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Mengapa syarikat-syarikat mengiklankan produk-produk mereka dengan begitu agresif walaupun mereka harus berbelanja tinggi?

(Biar mereka memberi respon)

2. Biasanya bila anda membeli sesuatu, adakah anda membeli jenama yang diiklankan atau jenama yang tidak diketahui? *(Biar mereka memberi respon)*
3. Kebanyakan masa, kita membeli jenama yang pernah kita lihat iklannya, bukan?
4. Kajian menunjukkan bahawa iklan-iklan banyak mempengaruhi pilihan-pilihan kita. Sebab inilah, syarikat-syarikat sanggup berbelanja besar mengiklankan produk masing-masing.
5. Kita sering berdepan dengan pelbagai iklan yang cuba menakutkan kita supaya membeli, baik benda yang besar seperti rumah atau pun yang kecil seperti berus gigi dan lain-lain lagi.
6. Kata kuncinya ialah 'beli'. Kita berada dalam sebuah masyarakat yang semakin materialistik. Kita terdorong dan digoda untuk memiliki dan terus memiliki.
7. Sama ada kaya atau miskin, orang cenderung untuk membeli dan menggunakan semakin banyak benda.
8. Sebagai umat Allah, bagaimanakah kita harus hidup di kalangan masyarakat yang begitu mengutamakan dan mementingkan pemilikan harta benda? Inilah yang mahu kita pelajari hari ini.

B. Dunia Materialisma Yang Semakin Meningkat

1. *(Jika kumpulan anda berasal daripada latar belakang kelas atasan atau menengah, kemungkinan besar mereka akan memiliki beberapa benda yang mahal dan 'berjenama'. Buatlah penyesuaian anda sendiri jika poin-poin yang berikut tidak berapa tepat atau relevan)*
2. Tidak kira apa yang kita anggap sebagai benda-benda keperluan, kebanyakan di antara kita masih memiliki jauh lebih banyak benda yang sebenarnya tidak diperlukan.
3. *(Minta mereka rujuk kepada sebahagian benda milik mereka yang sudah disenaraikan awal tadi)*
4. Jika anda perhatikan, khasnya rumah-rumah golongan atasan atau menengah hari ini, anda akan dapati mereka memiliki berbagai alat kemudahan supaya hidup menjadi lebih selesa.
5. *(Suruh mereka namakan beberapa benda yang mereka miliki di rumah yang boleh dianggap sebagai barangan mewah)*
6. Kita mungkin berpendapat bahawa banyak benda seperti televisyen, alat pemain cakera padat, basikal lumba dan sebagainya merupakan barangan keperluan. Tetapi, bila dibandingkan dengan apa yang dimiliki oleh mereka yang miskin di negara-negara dunia ketiga, barangan-barangan ini bukan keperluan tetapi barangan mewah.
7. Pada pendapat anda, mengapa hari ini orang menjadi semakin materialistik? *(Biar mereka memberi respon)*

8. Satu sebab utama ialah negara kita semakin kaya dan taraf hidup juga sudah meningkat. Selain daripada mereka yang miskin, di mana keadaan mereka tidak banyak berubah, kebanyakan orang sudah bertambah baik keadaan ekonomi mereka. Khasnya mereka yang daripada kelas atasan dan menengah yang semakin makmur.
9. Oleh kerana orang semakin berada/kaya, mereka mampu berbelanja meningkatkan tahap keselesaan serta kenikmatan hidup. Kebendaan menjadi hal yang pertama yang mereka kejar.
10. *(Tanya mereka saiz televisyen yang mereka miliki di rumah. Tidak mengejutkan sekiranya tidak banyak lagi yang memiliki saiz 14 inci! Tanya mereka adakah mereka masih mahu memiliki televisyen bersaiz 14 inci jika mereka mampu membeli yang bersaiz 29 inci)*
11. Kita tergoda untuk memiliki dan terus memiliki terutama sekali jika kita berkemampuan.
12. Biasanya orang mengejar barangan baru, barangan gaya semasa, barangan yang lebih mengikuti peralihan zaman dan canggih, dan barangan yang lebih bermutu serta mahal.
13. Kecenderungannya sekarang ialah membeli barangan rekaan khas atau yang terkenal, atau lebih dikenali 'berjenama'. *(Suruh mereka periksa sama ada mereka memiliki barangan berjenama')*
14. Sebagai Kristian, nilai-nilai yang bagaimanakah yang harus kita pupuk dalam dunia yang materialistik ini? Marilah kita lihat apa yang dikatakan dalam Alkitab tentang hal ini.

C. Melewati Dunia Materialisma

1. Kehidupan Adalah Lebih Daripada Kebendaan

(Lukas 12:15; Ibrani 13:5)

- a. Yesus menegaskan bahawa hidup bukan sekadar memiliki banyak harta benda (*Lukas 12:15*).
- b. Bagi kebanyakan orang, hidup adalah untuk menjadi kaya dan hidup selesa. Mereka berpendapat memiliki harta yang banyak akan memberi mereka kebahagiaan yang diidamkan. Mereka cenderung mencari keselamatan dalam kebendaan mereka. Mereka lebih bergantung kepada harta milik mereka daripada bergantung kepada Tuhan.
- c. *(Suruh mereka baca Mazmur 62:10 dan Amsal 11:28)*
- d. Kita harus sedar mengapakah kita asyik mahu memiliki sebanyak mungkin harta kekayaan. Kita harus sedar sejauh mana kita bergantung kepada apa yang kita miliki berbanding dengan ketergantungan kita terhadap Tuhan.
- e. Penulis kitab Ibrani memberitahu kita supaya menjauhkan diri daripada mencintai wang dan apa yang dapat dibeli oleh wang. Sebaliknya kita harus belajar berpuas hati dengan apa yang kita miliki.

- f. Kita harus belajar menjalani hidup yang sederhana supaya kita tidak dikuasai oleh keinginan kita terhadap kebendaan.
- g. Bagaimanakah pandangan kita terhadap pembelian barangan yang mahal seperti barangan 'berjenama'? Mengapakah para belia gemar sekali membeli barangan 'berjenama'? (*Biarlah mereka memberi respon*)
- h. Salah satu sebab utama orang membeli barangan 'berjenama' ialah kerana status dan prestij yang mereka dapati dengan memiliki barangan mahal dan berkualiti. Sekali lagi, tertonjol kecenderungan kita untuk bergantung kepada harta milik kita.
- i. Sebab yang lain ialah orang mampu membelinya. Mereka berpendapat itulah cara terbaik membelanjakan wang mereka supaya orang lain akan merasa iri hati terhadap mereka.
- j. Membeli barangan 'berjenama' samalah seperti menimbun harta di bumi kerana kita hanya memikirkan diri kita sendiri. Kita mahu terlihat baik dan terjamin.
- k. Jika boleh, kita harus hidup satu tahap di bawah garis kemampuan kita. Kita harus beli barangan menurut kegunaannya dan bukan kerana status yang dihasilkan bagi kita.
- l. Ini tidak bermakna kita membeli barangan yang rendah mutunya atau kita tidak boleh menikmati kehidupan ini. Sebaliknya, kita harus menjadi pengurus yang bijaksana atas kekayaan yang dipertanggung-jawabkan kepada kita.

2. Kehidupan Adalah Tentang Memberi, Bukan Ketamakan

(Lukas 12:15; Keluaran 20:17; Matius 6:19-20)

- a. Yesus memberi kita amaran terhadap berbagai jenis ketamakan (*Lukas 12:15*).
- b. Dia tahu bahawa sifat semulajadi dosa kita ialah menginginkan sebanyak mungkin untuk diri sendiri. Tuhan sudah pun memberi amaran terlebih dahulu dalam Hukum yang Kesepuluh supaya jangan tamak bila melihat apa yang dimiliki oleh jiran-jiran dan kawan-kawan kita (*Keluarannya 20:17*).
- c. Pihak media pandai sekali mengeksploitasi kelemahan kita. Melalui iklan-iklan, kita kerap diingatkan betapa ruginya kita jika tidak membeli apa yang mereka jual.
- d. Yesus mengingatkan kita supaya kita jangan hidup hanya untuk mengumpul harta kekayaan bagi diri sendiri (*Matius 6:19-20*). Inilah yang kita lakukan apabila kita menerapkan nilai-nilai masyarakat materialistik. Kita fikirkan keperluan sendiri dan kita beli serta mengumpul harta untuk diri sendiri.
- e. Tetapi kerajaan Allah memutar-balikkan keadaan. Yesus mengatakan anda mesti memberi jika anda mahu menerima; anda mesti bersedia untuk kehilangan nyawa anda jika anda mahu menyelamatkannya (*Markus 8:34-35*). Sebagai umat Allah,

kita diseru agar hidup demi orang lain.

- f. Kita harus memberi dan bukannya mengumpulkan harta kekayaan untuk diri sendiri.
- g. Ini tidak bermakna Tuhan tidak mahu kita menikmati apa yang dikurniakan-Nya kepada kita. Tuhan tahu bahawa cinta kita terhadap kebendaan boleh merasuk jiwa kita. Apa sahaja yang kita miliki, yang tidak dapat kita lepaskan dan berikan kepada orang lain, sebenarnya akan menguasai dan memiliki kita!
- h. Dalam perumpamaan tentang penuai (*Markus 4:19*), Yesus memberi amaran kepada kita bahawa ketamakan terhadap kekayaan dan kebendaan dunia ini boleh menggugat kesetiaan kita kepada Tuhan.

3. Kehidupan Adalah Untuk Apa Yang Kekal

(Markus 8:34-37; 1 Yohanes 2:15-17)

- a. Yesus mengingatkan murid-murid-Nya bahawa hidup bukan hanya sekadar menikmati kebendaan dunia ini. Kita harus jalani hidup dengan pandangan tertumpu kepada kekekalan (*Markus 8:35-37*).
- b. Tiada maknanya memiliki semua yang ada di bumi tetapi berakhir dengan tangan kosong kelak dalam kekekalan. Anda tidak boleh menukarkan harta kekayaan dengan kehidupan kekal.
- c. Harta kekayaan di dunia pasti akan berlalu. Kekayaan duniawi tidak abadi (*1 Yohanes 2:17*).
- d. Apa yang penting ialah anda hidup kehidupan ini sehingga anda mendapatkan tempat di syurga. Untuk mencapai itu, anda harus menjadikan Tuhan, bukan kebendaan, tempat pertama dalam hidup anda.
- e. Untuk mendapatkan kehidupan, anda harus kehilangannya. Apakah maksud ini? (*Biar mereka memberi respon*)
- f. Ini bererti semua keinginan anda tidak harus diberikan keutamaan. Anda tidak harus mementingkan diri sendiri dan menumpukan semua perhatian hanya untuk memuaskan keinginan dan keperluan sendiri sahaja.
- g. Hidup anda harus mencontohi cara hidup Yesus yang mengorbankan diri-Nya untuk kita.



Doa

Berdoalah kepada Tuhan supaya membantu mereka dalam usaha mengurangkan sifat materialisma dan sikap hanya berfokus kepada keperluan sendiri. Supaya mereka belajar kehidupan yang lebih sederhana serta siap berkorban untuk orang lain.

Sesi 4 : Ini Kehidupan Saya!



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengetahui bahawa di dunia hari ini, orang berpegang kepada kepercayaan bahawa tidak terdapat nilai moral yang mutlak. Dengan itu, terpulang kepada setiap individu untuk membuat pilihan masing-masing, sama ada itu hal yang betul atau salah.
2. Memahami bahawa Allah telah memberikan Firman-Nya sebagai satu standard (piawai) yang membolehkan kita hidup saleh dan kudus.
3. Menyedari bahawa Allah adalah Pencipta segalanya, Firman-Nya tetap berlaku bagi manusia sejagat dan bukan hanya untuk orang Kristian sahaja.
4. Membincangkan beberapa aspek/masalah yang mereka hadapi dalam menentukan nilai-nilai syurgawi dan duniawi.



Pencetus Minat

Peraturan-peraturan Permainan

Tujuan aktiviti ini supaya para peserta memikirkan apa yang perlu agar sekumpulan orang boleh hidup bersama secara berharmoni.

1. Bahagikan para peserta kepada tiga atau empat orang sekumpulan.
2. Jelaskan situasi berikut kepada mereka:

Dalam buku berjudul "The Lord of the Flies" (Raja Lalat), sekumpulan pemuda terkandas di sebuah pulau tropika selepas kapal terbang yang mereka naiki itu terhempas. Oleh sebab mereka bersendirian, mereka bebas melakukan apa sahaja yang mereka suka. Tetapi pada masa yang sama, mereka mesti bergantung atas satu sama lain untuk terus hidup.

Bayangkan anda adalah seorang daripada kumpulan pemuda yang terkandas di atas pulau tersebut. Apakah perkara yang anda mahu lakukan supaya anda boleh terus hidup dan berfungsi sebagai satu kumpulan kerana anda harus bergantung antara satu sama lain untuk terus hidup?



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Anda semua telah mengemukakan berbagai idea tentang apa yang penting agar boleh mengekalkan sesuatu kumpulan supaya terus berfungsi secara harmoni (*Rujuk kepada apa yang sudah mereka sarankan tadi*).
2. Pada pendapat anda, antara idea-idea yang dikemukakan, apakah yang paling penting? (*Biar mereka memberikan respon*)
3. Sebenarnya, yang paling penting haruslah suatu kod moral, yang menjelaskan apa yang betul dan apa yang salah. Inilah yang akan menentukan jenis peraturan-peraturan yang anda perlukan untuk mentadbir tingkah-laku serta nilai-nilai kumpulan itu.
4. Tanpa satu kod moral, semua orang mahu melakukan apa sahaja yang benar di mata mereka dan tidak akan mendengar saranan orang lain jikalau mereka tidak suka.
5. Malangnya, inilah sifat semulajadi kita yang berdosa. Kita mahu melakukan hal kita sendiri, menurut cara kita dan pada bila-bila masa sahaja yang kita suka.
6. Inilah yang terjadi dalam kisah tersebut. Pemuda-pemuda itu terbahagi kepada dua kumpulan. Satu kumpulan mahu berbuat sesuka hati mereka sehingga mereka langsung tidak ragu-ragu membunuh salah seorang bekas kawan mereka dari kumpulan yang satu lagi. Mereka menjadi liar dan melakukan apa sahaja yang mereka mahu.
7. Dalam masyarakat hari ini, sering kali anda mendengar pihak-pihak tertentu yang menuntut hak membuat pilihan apa yang baik dan betul bagi diri mereka sendiri. Berlainan dengan zaman dahulu, masyarakat berpegang kepada suatu standard nilai moral yang jelas yang diajarkan kepada setiap generasi.
8. Tetapi hari ini, seseorang individu menetapkan standardnya sendiri. Begitu cepat sekali perubahan berlaku, baik dari segi sosial mahu pun teknologi sehinggakan kita berhadapan dengan lebih banyak pilihan dan keadaan yang baru yang mencabar sistem nilai dahulu.
9. Perbezaan antara yang betul dan salah semakin kabur. Dengan itu, semakin sukar membezakan nilai-nilai saleh dan duniawi.
10. Sesi hari ini membincangkan bagaimana seorang Kristian harus memberi respon dalam dunia yang berubah-ubah nilainya.

B. Siapa Yang Tentukan?

1. Hukum dan Undang-undang Negara

- a. Setiap orang tahu jika sesebuah masyarakat mahu berfungsi dengan aman dan harmoni, mestilah terdapat peraturan-peraturan atau undang-undang yang menentukan apa yang betul atau salah, dan apakah tingkah laku yang baik atau buruk.
- b. Jika tidak terdapat kod sebegini, semua orang akan berkelakuan menurut apa yang dia sendiri tentukan sebagai betul. Jika demikian, masyarakat pasti akan menjadi huru-hara.
- c. Pada suatu masa dahulu, hukum dan undang-undang kebanyakan negara barat pernah bermula daripada pandangan dan dasar Kristian. Pengubal-pengubal undang-undang sendiri merupakan orang-orang Kristian dan mereka mendasarkan undang-undang negara mereka pada kepercayaan kepada Tuhan dan hukum-hukum yang Dia telah berikan kepada manusia.
- d. Undang-undang negara kita berdasarkan kepada undang-undang Inggeris yang mempunyai latar belakang yang hampir sama.
- e. Namun demikian, walaupun undang-undang bertindak sedikit sebanyak sebagai hati nurani moral dan sosial, terdapat banyak aspek yang dibiarkan supaya pihak individu yang membuat keputusan. (*Rujuklah kepada apa yang sudah mereka kemukakan dalam Aktiviti Bersama*)
- f. Bagi aspek-aspek sedemikian, siapakah yang akan menentukan apa yang betul atau salah? Semasa menyelesaikan lembar kerja **Aktiviti Bersama** tadi, bagaimanakah anda membuat keputusan mana yang betul dan salah, mana yang baik dan mana yang buruk? (*Rujuklah kepada jawapan-jawapan mereka*)

2. Hukum dan Undang-undang Tuhan

- a. Jika kita tidak berbalik kepada hukum-hukum Allah, kita tidak mempunyai sebarang asas untuk menentukan antara yang betul dan salah, dan antara yang baik dan buruk.
- b. Sebab itulah ramai yang berpendapat bahawa memang menjadi hak asasi mereka untuk membuat keputusan sendiri. Tidak ada orang yang berhak mengatakan mereka salah atau jahat kerana ini akan melanggar hak asasi kemanusiaannya.
- c. Sebagai contoh, isu menggugurkan kandungan – sesetengah orang percaya bahawa wanita yang terlibatlah yang harus membuat keputusan. Penyokong-penyokong anti-pengguguran

pula percaya tindakan menggugurkan kandungan adalah salah kerana ia melibatkan pembunuhan nyawa. Dalam keadaan sebegini, siapakah yang menentukan pihak mana yang betul atau salah? (*Biarlah mereka memberi respon*)

- d. Akhirnya, masih perlu suatu dasar di mana kita boleh membuat keputusan moral dan etika. Juga diperlukan suatu dasar supaya kita dapat menentukan nilai-nilai apakah yang penting bagi kehidupan kita.
- e. Dan dasar ini ditemui dalam Firman Allah. Jika kita percaya bahawa Tuhanlah yang mencipta kita dan dunia ini, maka kita harus menerima hakikat bahawa Dialah yang mempunyai kata akhir atau kata putus terhadap cara hidup kita dan bagaimana kita harus menguruskan dunia yang diciptakan-Nya.
- f. Allah tidak membiarkan kita bersendirian tanpa memberikan pedoman hidup. Dalam Firman-Nya, Allah telah menurunkan standard-standard yang jelas bagaimana kita harus mengatur hidup kita.

C. Standard-standard Tuhan

1. Pengaruh Dunia

- a. Dalam dunia hari ini, apa yang digelar orang sebagai “*era post moden*”, sikap yang ditunjukkan adalah tiada nilai-nilai yang mutlak, iaitu tidak terdapat satu standard universal tentang apa yang betul dan salah. Alasannya ialah bahawa seseorang berhak memutuskan apa yang betul atau salah bagi dirinya sendiri atau nilai-nilai apakah yang ingin dipegangnya.
- b. Pada masa dahulu, setidak-tidaknya masyarakat masih berpegang kepada beberapa nilai moral yang mutlak. Sebagai contoh, seks sebelum bernikah dan menggugurkan kandungan adalah salah, mengubah-suai gen manusia tidak betul, dan sebagainya.
- c. Bukan sahaja nilai-nilai moral sudah berubah, nilai-nilai lain juga turut berubah. Sebagai contoh, di masa yang lalu, ibu bapa orang-orang Asia akan tinggal bersama anak-anak ketika usia tua mereka. Tetapi sekarang ramai yang dimasukkan ke rumah orang-orang tua.
- d. Sekarang, kebanyakan keadaan atau perkara tidak ada peraturan atau syarat-syaratnya. Jadi, semakin sukar bagi anak-anak muda seperti anda, membesar dalam budaya sebegini untuk membezakan antara yang betul, salah atau yang neutral.

- e. Orang pada zaman sekarang sangat cepat sekali memberi respon dan mengatakan bahawa hak asasi mereka dilanggar jika seseorang mengemukakan sesuatu yang bertentangan dengan pandangan mereka.
- f. Memang mudah terperangkap dengan idea bahawa seseorang individu mempunyai hak membuat keputusan bagi dirinya sendiri.

2. Nilai-nilai Mutlak Allah

- a. Sebagai orang Kristian, kita harus serius menerima Alkitab sebagai kuasa iman dan hidup kita. Ini bererti kita percaya Allah yang dikatakan dalam Alkitab adalah Tuhan yang benar, Pencipta manusia.
- b. Ini juga bermakna, kita percaya kebenaran Alkitabiah bukan sahaja untuk orang Kristian tetapi juga untuk seluruh manusia sejagat.
- c. Tuhan memberitahu kita bahawa Firman-Nya adalah benar dan adil, yang wujud selama-lamanya (*Mazmur 119:89, 91, 137, 160*). Ertinya, segala kebenaran boleh ditemukan di dalam Firman Allah dan kebenaran itu tidak pernah berubah.
- d. Alkitab juga mengatakan bahawa Firman-Nya boleh dipercayai (*Mazmur 119:138*). Kita sekali-kali tidak perlu takut bahawa standard Tuhan akan berubah, berlainan dengan standard dan hal-hal duniawi ini yang asyik berubah daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain.
- e. Sejak dahulu lagi, Allah sendiri telah menetapkan standard terhadap apa yang betul dan salah. Mengapa? (*Biarlah mereka memberikan respon*)
- f. Allah memberikan kita Firman-Nya supaya hidup kita boleh kekal suci dan saleh di hadapan-Nya, serta mencontohi-Nya (*Mazmur 119:9*).
- g. Firman-Nya diberikan sebagai pelita dan terang – untuk menunjukkan jalan yang benar yang harus kita ambil dan memimpin kita di sepanjang perjalanan kita (*Mazmur 119:105*).
- h. Kadang-kadang, mungkin bukan pilihan antara yang betul dan salah tetapi antara mana yang lebih mustahak. Contohnya, memilih kerjaya yang bergaji tinggi tetapi hanya tinggal sisa-sisa waktu atau tidak ada masa langsung untuk hal-hal rohani, dan sebagainya.
- i. Maka penting bagi anda belajar mengenali siapakah Tuhan, dan apa yang berkenan kepada-Nya supaya dapat mengetahui nilai-nilai yang Dia inginkan tersemat dalam hidup

anda.

- j. Anda perlu sentiasa memeriksa cara hidup anda, sikap-sikap anda, dan nilai-nilai yang paling penting bagi anda dengan sering berbalik kepada Firman Tuhan. Hanya dengan cara demikian, anda boleh hidup suci di hadapan Tuhan.



Doa

Ingatkan mereka bahawa Tuhan berkenan dengan mereka yang jujur. Galakkan mereka untuk meluahkan semua pergumulan yang mereka hadapi dalam mencari jawapan-jawapan kepada persoalan-persoalan hidup. Luahkan semua keperluan mereka di hadapan takhta-Nya dan percayalah bahawa Dia pasti akan membantu mereka sebagaimana yang dijanjikan-Nya.

Ajak mereka untuk mendoakan satu sama lain semoga Tuhan akan terus menjadi Penasihat dan Pemimpin mereka dalam usaha mereka untuk menjauhkan diri daripada pengaruh-pengaruh duniawi. Doakan juga agar Tuhan mengurniakan kebijaksanaan dan kemurahan-Nya agar mereka akan mengenali nilai-nilai-Nya dan memupuk nilai-nilai tersebut dalam kehidupan mereka.

Sesi 5 : Jadikan Hidup Anda Terhitung



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa Tuhan mahu menjadikan hidup mereka bermakna dan terhitung bagi-Nya dengan bekerjasama dengan-Nya ke arah mengubah hidup orang lain bagi Yesus.
2. Mengetahui bahawa mereka perlu memiliki hati dan jiwa yang berbeza jika mereka mahu Tuhan menggunakan mereka untuk membawakan perubahan kepada kehidupan orang lain bagi Yesus.
3. Berfikir dan merenung adakah mereka mahu menyerahkan kehidupan mereka supaya terhitung bagi Tuhan.



Pencetus Minat

Permainan: Lontar

(Diperlukan: Beberapa bungkus kacang)

Permainan ini bertujuan mencari kumpulan mana yang lebih mahir melontar kacang ke dalam mulut ahli-ahlinya.

1. Alihkan semua kerusi ke hujung bilik.
2. Bahagikan para peserta kepada enam atau lapan orang sekumpulan.
3. Kemudian, minta setiap kumpulan berdiri dalam satu bulatan seluas 3-4 meter garis pusat.
4. Mulakan permainan dengan seorang ahli berdiri di tengah-tengah setiap bulatan. Beri sepaket kacang kepada setiap orang.
5. Jelaskan bahawa bila isyarat bermula diberikan, orang yang di tengah-tengah bulatan akan melontar kacang ke dalam mulut salah seorang ahli kumpulan dalam bulatannya. Jika kacang itu dapat 'ditangkap' oleh mulut ahli itu, maka dia bolehlah melontar kepada ahli yang lain. Proses ini diulangi sehingga setiap orang dalam bulatan berjaya 'menangkap' kacang dalam mulut masing-masing. Sebaik sahaja orang terakhir berjaya mendapatkan kacang dalam mulutnya, barulah mereka semua mula memakan kacang yang ada di dalam mulut masing-masing.
6. Bila semua ahli dalam bulatan itu berjaya mendapat dan selesai memakan kacang masing-masing, seorang yang lain akan menggantikan orang yang di tengah-tengah bulatan tadi. Teruskan permainan sehingga setiap orang telah mengambil tempat mereka di tengah-tengah bulatan. Kumpulan yang paling cepat adalah

- pemenang.
7. Pastikan anda mempunyai kacang yang mencukupi bagi setiap kumpulan.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Menyeronokkan bukan, melontar kekacang ke dalam mulut kawan-kawan anda?
2. Ia kelihatan senang tetapi sebenarnya agak susah. Kecuali tangan anda stabil dan sasaran anda tepat, kemungkinan kebanyakan kekacang akan terkena tepi mulut atau gigi!
3. Jadi, anda mesti pastikan anda membuat sasaran dengan tepat dan memastikan setiap sasaran itu tidak sia-sia. Jika tidak, masa akan terbuang kerana anda terpaksa mengulangi usaha anda.
4. Memastikan anda fokus dan setiap lontaran menepati sasaran merupakan bahagian yang sangat penting dalam permainan ini.
5. Begitu juga, memastikan hidup anda berfokus dan terhitung bagi Tuhan adalah bahagian yang sangat penting dalam kehidupan seorang Kristian. Tuhan telah mengurniakan kita kehidupan yang singkat sahaja. Kita perlu berusaha sedaya upaya supaya hidup kita terhitung bagi Tuhan, iaitu kita perlu melayani Tuhan dengan cara menjalani hidup yang digunakan oleh Tuhan sepenuhnya demi kemuliaan-Nya.
6. Mengapa kita harus menjadikan hidup kita terhitung bagi Tuhan? *(Biar mereka memberi respon)*
7. Sebabnya, Tuhan begitu mengasihi kita sehingga Dia sanggup mengorbankan Anak-Nya untuk kita. Daripada hati yang dipenuhi kasih dan rasa terima kasih, maka kita menyerahkan kembali hidup kita untuk berkhidmat kepada Tuhan dan melayani Dia dalam apa jua cara sekali pun.
8. Empat Sesi selanjutnya akan meninjau jenis-jenis peluang pekerjaan yang mungkin disediakan oleh Tuhan supaya anda boleh melayani-Nya kelak. Tujuannya ialah untuk membantu anda menyedari bahawa anda harus menjadikan hidup anda terhitung tidak kira apa sekali pekerjaan anda nanti.
9. Kita akan menjemput beberapa orang tetamu untuk datang mengongsikan pengalaman mereka dalam pekerjaan masing-masing.
10. Dalam sesi hari ini, kita akan bermula dengan menumpukan perhatian kepada cara-cara kita dapat menjadikan hidup kita terhitung bagi Tuhan.

B. Jadikan Hidup Anda Terhitung

1. *(Rujuk kepada perbincangan mereka di Aktiviti Bersama)*
2. Kita semua mempunyai impian yang kita harap akan menjadikan hidup kita bermakna, teruja dan yang tidak akan dilupakan. *(Sebut beberapa hal yang sudah dikongsikan oleh para peserta)*
3. Jika anda berpeluang, saya pasti anda akan berusaha bersungguh-sungguh agar impian anda tercapai sepenuhnya.
4. Sedarkah anda bahawa Tuhan turut memiliki impian bagi anda setiap orang? Dia mahu impian itu terkabul dalam kehidupan anda? *(Tanya mereka, pada pendapat masing-masing apakah agaknya impian Tuhan untuk mereka)*
5. Impian Tuhan ialah semoga anda melakukan sesuatu yang bermakna dan bermanfaat dengan hidup anda yang singkat di dunia. Impian keemasan Tuhan bagi anda agar hidup anda terhitung bagi-Nya, digunakan sepenuhnya bagi Tuhan dengan cara bekerjasama dengan Tuhan ke arah membawakan perubahan kepada dunia ini demi Yesus.
6. Bila Yesus diperkenalkan ke dalam hidup anda, Dia telah membawakan perubahan, bukan? Dia telah menghapuskan dosa-dosa anda, Dia menjadikan anda peribadi yang baru dan memberikan anda kesukaan, damai dan bermakna. Perkara-perkara yang sama inilah yang Dia mahu lakukan untuk setiap orang melalui diri anda.
7. Tuhan mahu hidup anda mempengaruhi hidup ahli-ahli keluarga, sahabat-handai, komuniti dan seterusnya masyarakat sejagat. Dia mahu anda menunjukkan kepada mereka bahawa Yesus juga dapat mengubah hidup mereka sebagaimana Dia mengubah hidup anda.
8. Hidup Yesus di bumi hanya sesingkat 33 tahun dan Dia menjadikan hidup-Nya terhitung! Dalam beberapa tahun yang singkat itu, Dia telah mengubah dunia ini.
9. Seruan Tuhan kepada anda adalah sama – menjadi rakan kongsinya, bersama-sama mengubah dunia ini. Bukan hanya bila anda mula bekerja nanti tetapi sekarang juga, ketika anda masih muda.
10. Bagaimana anda boleh menjadikan hidup anda terhitung demi Tuhan dan meninggalkan kesan mendalam bagi Dia?

C. Miliki Roh & Jiwa yang Berbeza

1. Jika anda mahu hidup anda terhitung dan diguna oleh Tuhan untuk mempengaruhi orang-orang lain, anda harus berlainan – roh dan jiwa anda harus berbeza! *(Minta mereka bukakan*

Alkitab kepada Bilangan 14:20-24. Suruh seseorang membaca ayat-ayat itu)

2. Tidak seorang pun daripada 12 orang yang mengintip tanah perjanjian dibenarkan masuk mengambil bahagian dalam menewaskan musuh kecuali Kaleb dan Yosua. Apakah sebab yang diberikan oleh Tuhan? *(Biar mereka memberi respon)*
3. Tuhan berkenan membenarkan Kaleb bekerjasama dengan-Nya kerana Kaleb mempunyai roh dan jiwa yang berbeza. Hati Kaleb berlainan daripada umat Allah yang lainnya.
4. Perbezaan hati dan jiwa inilah yang mengizinkan Tuhan menggunakan Kaleb untuk memenuhi tujuan-tujuan-Nya sendiri. Jika anda mahu hidup anda terhitung bagi Tuhan dan menjadi alat-Nya untuk mempengaruhi kehidupan orang lain, anda perlu mempunyai roh, hati dan jiwa yang berbeza.
5. Apakah yang terlibat dalam memupuk roh dan jiwa yang berbeza ini?

Memiliki roh dan jiwa yang berbeza melibatkan:

a. Mengikuti Tuhan dengan Sepenuh Hati

(Bilangan 14:20-24; Yesaya 6:1-8)

- i. Allah berkenan dengan Kaleb kerana dia mengikuti Allah dengan sepenuh hatinya. Yesaya juga dapat digunakan oleh Allah kerana dia rela Allah melakukan apa sahaja yang diingini Tuhan dengan hidupnya.
- ii. Jika anda ingin hidup anda digunakan oleh Tuhan untuk mempengaruhi orang lain, anda mesti rela mengikuti Tuhan dengan sepenuh hatimu dan melakukan apa sahaja yang diperintah-Nya. Seperti Yesaya, anda perlu rela memberitahu Tuhan, "Ini aku, utuslah aku!" Tidak kira apa sahaja yang disuruh oleh Tuhan; anda perlu rela mengikutinya dengan sepenuh hati dan sepanjang jalan.
- iii. Tidak ada orang yang tidak bersungguh-sungguh dalam apa yang disuruh oleh Tuhan akan berjaya di mata Tuhan.

b. Mengasihi Tuhan (Mazmur 18:1-3)

- i. Daud merupakan seorang yang berkenan di hati Tuhan dan melakukan segala kehendak-Nya (Kisah Para Rasul 13:22) kerana dia mengasihi Tuhan dengan sepenuh hatinya.
- ii. Sebab inilah, Allah mengambil gembala domba ini dan menjadikan dia sebagai raja Israel. Bukan kebolehan dan kekuatan kita yang menarik perhatian Tuhan tetapi hati kita.
- iii. Tuhan mencari mereka yang mengasihi Dia dengan sepenuh hati seperti Daud untuk mengambil bahagian dalam

pekerjaan-Nya mengubah dunia ini.

c. Beriman (Ibrani 11:8-12)

- i. Seorang watak lain yang mempengaruhi seluruh bangsa ialah Abraham. Apakah yang berbeza tentang dia? (*Biar mereka memberikan respon*)
- ii. Dia seorang yang beriman. Dia mempercayai Tuhan walaupun keadaan kelihatannya mustahil. Kerana imannya, dan bukan kebolehanNya, Tuhan menjadikan Abraham sebagai bapa bangsa Israel.
- iii. Jika anda mahu hidup anda terhitung bagi Tuhan, anda tidak perlu bergantung kepada diri sendiri atau kebolehan anda. Tidak kira anda muda seperti Daud atau tua seperti Abraham. Tidak kira anda pengembala atau hanya seorang pelajar.
- iv. Tuhan mencari mereka yang berjiwa lain. Dia mencari mereka yang beriman pada-Nya, mempercayai Allah yang boleh melakukan apa yang mustahil. Seterusnya, bolehlah Dia mencapai tujuan and rancangan-Nya melalui hidup anda.

d. Hidup Yang Layak Bagi Tuhan (1 Tesalanika 2:10-12)

- i. Rendah hati dan bersikap seperti seorang hamba bukanlah sifat yang mudah tercapai.
- ii. Tetapi, inilah yang dicari oleh Allah dalam diri mereka yang akan dipanggil untuk bekerjasama dengan Dia. Yesus mengatakan bahawa Dia datang ke bumi untuk melayani bukan untuk dilayani (Markus 10:45). Sikap ini terbukti sepanjang kehidupan dan pelayanan-Nya. Dia tidak menyalahgunakan kuasa-Nya sebagai Anak Allah, menjadikan diri-Nya Tuan atas orang lain tetapi Dia melayani mereka dalam kasih dan kerendahan hati.
- iii. Maria juga memiliki sikap yang sama, sifat kerendahan hati dan rela menjadi hamba Tuhan. Kerana dia patuh melayani Tuhan, dia terpaksa mengalami penghinaan dan penderitaan. Dia mengandung ketika dia masih belum berkahwin. Yusuf hampir-hampir menceraikan dia dan orang ramai pasti mengejek-ejek dan memandang hina akan dia.
- iv. Namun, kerana kerendahan hatinya sanggup melakukan apa sahaja yang diperintah Allah, dia menjadi ibu kepada Yesus. Allah memilih dia kerana dia rendah hati dan menggunakan dia sebagai saluran membawa Yesus ke dunia dan menjaga Yesus. Walaupun cuma anak gadis desa yang

miskin, Maria menjadi salah seorang yang amat digunakan oleh Allah untuk mengubah dunia ini. Hidupnya terhitung bagi Tuhan kerana dia rela menjadi hamba Allah.

f. Kesimpulan

- i. Alkitab memberitahu kita bahawa Allah tidak melihat wajah muka sahaja tetapi Dia melihat hati kita.
- ii. Allah tidak peduli siapa diri anda atau apa yang anda buat. Tidak kira anda muda atau dewasa, penyapu jalan atau doktor, jika anda mahu hidup anda terhitung bagi Tuhan, anda perlu ada hati yang benar, bukannya kebolehan yang betul. Bukan kerja anda yang menjadikan anda penting di mata Tuhan.
- iii. Anda perlu memiliki hati dan jiwa yang mengasihi Dia dan mempercayai-Nya, rela menjadikan diri anda hamba-Nya dan mengikuti-Nya dengan sepenuh hati. Singkatnya, anda sanggup menjalani hidup yang berkenan dan yang layak bagi-Nya.
- iv. Dalam tiga sesi yang berikut, kita akan meninjau beberapa kerjaya yang anda boleh ikuti untuk melayani Tuhan. Anda juga berpeluang mendengar daripada beberapa orang bagaimana mereka berusaha menjadikan hidup mereka terhitung bagi Tuhan dalam apa jua perkerjaan mereka.
- v. Namun, anda tidak perlu tunggu sehingga anda mempunyai kerjaya barulah anda menjadikan hidup anda terhitung bagi Tuhan.
- vi. Anda boleh bermula sekarang dengan memohon kepada Tuhan agar menyiapkan hati dan jiwa anda supaya berkenan di mata-Nya agar Dia boleh menggunakan hidup anda sekarang untuk mempengaruhi orang-orang lain di sekeliling anda.
- vii. Dia mungkin bermula dalam kehidupan beberapa daripada kita di sini supaya di masa depan, anda akan mempengaruhi kehidupan bangsa ini, malah bangsa-bangsa lain. Apa yang perlu ialah anda memiliki hati dan jiwa yang berkenan kepada-Nya dan Dia akan melakukan kerja-Nya dalam dan melalui hidup anda.



Doa

Ambil giliran untuk berdoa dan memohon kepada Tuhan untuk membantu anda dan teman-teman anda supaya menginginkan

hati yang benar, agar anda dan rakan-rakan anda dapat membawakan perbezaan kepada orang lain demi kerajaan Allah.



Persediaan Forum Minggu Hadapan

1. Sesi seterusnya merupakan satu forum terancang yang bertujuan memberi para peserta suatu peluang mendengar pengalaman-pengalaman orang-orang Kristian daripada pelbagai kerjaya. Forum ini akan memberi perhatian kepada cara hidup orang-orang Kristian dalam dunia kerja masing-masing, apakah yang terlibat untuk hidup dan bekerja sebagai seorang Kristian dalam pelbagai kerjaya.
2. Jelaskan inti utama forum ini kepada mereka yang akan anda undang sebagai tetamu. Minta mereka kongsi serba sedikit tentang kerja masing-masing dan kemudian tumpukan perhatian kepada apakah maknanya menjadi seorang Kristian dalam pekerjaan masing-masing. Mereka boleh menyatakan beberapa pergumulan dan cabaran yang mereka hadapi sebagai Kristian dalam kerjaya mereka serta hasil-hasil yang dinikmati kerana kesetiaan mereka kepada Tuhan.
3. Anda boleh berdoa terlebih dahulu siapa yang harus anda undang. Pilih mereka yang anda tahu adalah orang Kristian yang berkomitmen serta setia dalam cara hidup mereka sebagai umat Kristian baik di rumah, gereja serta tempat kerja.

Sesi 6: Kehidupan Di Dunia Kerjaya

Sesi ini dirancang sebagai suatu forum untuk memberi peluang kepada para peserta mendengar pengalaman mereka yang berkecimpung dalam pelbagai pekerjaan. Tetamu-tetamu undangan akan mengongsikan pengalaman mereka sebagai orang percaya dalam kerjaya-kerjaya yang telah diutus Tuhan bagi mereka.

Buat pilihan yang bijak. Pilih mereka yang anda tahu adalah setia dalam komitmen terhadap Tuhan Yesus serta yang boleh memberi galakan dan nasihat kepada para peserta ke arah corak hidup yang menjadi saksi kepada Tuhan serta berhasil.

Anda boleh mengundang seorang guru Kristian, ahli korporat, kerani bank, ahli perniagaan, penyapu lantai dan sebagainya.



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa Allah berhasrat supaya setiap umat-Nya akan menjadikan hidup mereka terhitung bagi Dia tidak kira apa sekali pun pekerjaan mereka.
2. Mempelajari tentang beberapa jenis kerjaya di mana orang Kristian turut melayani Tuhan.
3. Mengetahui apakah pergumulan-pergumulan serta kesukaan-kesukaan melayani Tuhan dengan setia dalam kerjaya-kerjaya itu.



Pencetus Minat

Apakah Kerjaya Anda?

(Diperlukan: Kepingan-kepingan kertas, bekas, papan tulis, pen)

Dalam permainan ini, para peserta harus melakonkan beberapa jenis pekerjaan. Ahli-ahli kumpulan pula akan cuba meneka apakah pekerjaan tersebut.

1. Bahagikan para peserta kepada lima atau enam orang sekumpulan.
2. Jelaskan bahawa mereka harus melakonkan beberapa jenis pekerjaan dan ahli-ahli kumpulan yang lain akan meneka apakah pekerjaan tersebut.
3. Sediakan terlebih dahulu nama-nama beberapa pekerjaan, setiap

satu pada sehelai kertas. Lipat kertas-kertas tersebut dan masukkan ke dalam sebuah bekas. Sediakan pekerjaan yang memerlukan lebih kemahiran berlakon(!), seperti jurutera, peguam, pekerja gereja, dsb.

4. Minta setiap kumpulan memberi nama kepada kumpulan masing-masing. Kemudian tulis nama-nama kumpulan atas papan tulis dan lukiskan carta untuk mencatatkan markah mereka.
5. Setiap kumpulan akan menghantar seorang ahli setiap kali. Orang itu akan mengeluarkan sehelai kertas daripada bekas itu.
6. Orang itu mempunyai masa 20 saat untuk melakukan apa yang tertulis di atas kertas itu. Dia tidak dibenarkan bersuara. Ahli-ahli kumpulannya cuba meneka melalui lakonannya sahaja.
7. Jika ahli-ahli kumpulan tidak berjaya mendapat jawapan yang betul di akhir 20 saat itu, benarkan kumpulan lain pula meneka. Jawapan yang betul daripada kumpulan sendiri mendapat 2 markah; jika dijawab betul oleh kumpulan lain, maka 1 markah diberikan.
8. Kumpulan dengan markah paling tinggi adalah pemenang.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Anda telah mempelajari dalam sesi yang lalu bahawa Tuhan mahu hidup anda terhitung bagi-Nya tidak kira siapa anda atau apa yang anda lakukan.
2. Bila anda masuk ke alam pekerjaan dan memilih sesuatu kerjaya yang anda percaya Tuhan mahu anda lakukan, anda harus ingat akan hal ini. Tidak kira apa sahaja pekerjaan yang Tuhan suruh anda lakukan, anda harus layani Dia dengan hati, roh dan jiwa yang berbeza kerana anda mengasihi Dia.
3. Sebagai orang Kristian, kita percaya Tuhanlah yang memanggil kita berkecimpung dalam sesuatu pekerjaan. Apa sekali pun pekerjaan yang terlibat, ianya bukan sekadar tugas; kita harus menjadikannya seruan Tuhan bagi kehidupan kita.
4. Melalui hidup kita, orang lain harus dapat melihat bahawa Tuhan adalah benar dan sejati dan Dia mengasihi mereka.
5. (*Baca 2 Korintus 5:17-21 kepada mereka*) Paulus mengatakan kita adalah duta-duta Kristus. Kehidupan kita telah diubah oleh Kristus dan itulah yang mahu kita tunjukkan kepada dunia.
6. Ketika anda melakukan aktiviti tadi, anda melakukan beberapa jenis pekerjaan. Pada umumnya, anda tahu apa yang terlibat dalam pekerjaan-pekerjaan itu. Tetapi, hidup dan

bekerja sebagai seorang Kristian dalam pekerjaan atau kerjaya itu adalah satu isu yang lain pula.

7. Oleh itu, kami sudah mengundang beberapa orang Kristian yang berkecimpung dalam beberapa kerjaya yang berlainan untuk datang dan mengongsikan apakah pekerjaan mereka. Mereka juga akan mengongsikan pengalaman pahit manis sebagai seorang Kristian yang terlibat dalam kerjaya masing-masing.

B. Perkongsian: Kehidupan di Dunia Kerjaya

(Diperlukan: Meja, kerusi, senarai soalan-soalan)

1. Susun meja dan kerusi di hadapan bilik bagi panel undangan anda.
2. Perkenalkan mereka kepada para peserta. Kemudian jelaskan bagaimana forum ini akan dijalankan. Anda mungkin mahu para tetamu undangan mengambil giliran berkongsi dan kemudian menjawab soalan-soalan di akhir sesi nanti. Atau anda boleh memberi masa untuk bertanya selepas setiap orang tetamu sudah berkongsi.
3. Galakkan para peserta supaya jangan segan dan malu untuk bertanya. Anda juga mungkin boleh sediakan beberapa soalan terlebih dahulu untuk memulakan perbincangan. Mungkin para tetamu terlupa memperkatakan sesuatu aspek yang anda mahu mereka perkatakan, inilah masanya untuk bertanya. Jadi, adalah baik jika anda menyediakan beberapa soalan yang berkaitan.
4. Beritahu ahli panel anda bahawa anda ingin mereka berkongsi:
 - Secara ringkas bagaimana mereka menjadi seorang Kristian.
 - Bagaimana mereka memilih pekerjaan yang mereka kerjakan sekarang.
 - Bagaimana mereka dapat bertahan sebagai garam dan terang di tempat pekerjaan mereka, terutama sekali untuk tidak terjerat dengan cara dunia (menerima rasuah, berkata kesat, tidak berbelas kasihan dan sebagainya).
 - Apakah pengalaman-pengalaman mereka dapat bersaksi untuk Kristus di tempat kerja?
 - Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi?
 - Apakah mereka dilihat sebagai berbeza oleh teman-teman sekerja?
 - Bagaimana mereka membahagikan masa untuk kerjaya,

- keluarga, pelayanan, dan aktiviti lain?
 - Ada nasihat mereka kepada para peserta?
 - Dan sebagainya.
5. Di akhir forum, ucapkan terima kasih kepada semua tetamu undangan atas sumbangan masing-masing. Ringkaskan apa yang sudah dikongsikan.
 6. Kemudian anda boleh mengakhiri dengan berdoa atau mungkin juga anda boleh menjemput salah seorang tetamu untuk mendoakan para peserta.



Doa

Jika anda masih belajar dan belum mula bekerja, berdoalah supaya Tuhan menyediakan anda untuk masuk ke alam kerjaya dengan satu hati, roh dan jiwa yang berlainan; supaya tetap dapat melayani-Nya dalam pekerjaan anda nanti.

Jika anda sudah pun bekerja, berdoalah agar Tuhan terus melindungi hati, roh dan jiwa anda terutama sekali bila berada di kalangan orang-orang yang belum percaya. Berdoalah agar Tuhan akan menggunakan anda sebagai garam dan terang di tempat kerja anda.



Waktu Tambahan: Masa untuk Bergaul Mesra

(Diperlukan: Minuman dan Makanan Ringan)

1. Jika boleh, sediakan minuman dan makanan ringan untuk disajikan di akhir forum.
2. Dengan ini, para peserta berpeluang bergaul mesra dengan para tetamu undangan serta mendapatkan jawapan kepada sebarang soalan-soalan lain yang masih ada.



Persediaan Forum Minggu Hadapan

Sesi seterusnya akan menumpukan perhatian kepada kehidupan mereka yang berkhidmat sepenuh masa dalam pelayanan Kristian. Tujuannya ialah untuk memberi peluang kepada para peserta mendengar pengalaman-pengalaman mereka yang berkecimpung dalam pelayanan Kristian sepenuh masa.

Buatlah keputusan anda sama ada mahu mengundang seorang atau beberapa orang. Sila baca terlebih dahulu bahagian ***Renungan Firman Tuhan*** untuk menentukan apakah yang anda ingin tetamu-tetamu anda lakukan. Anda boleh minta mereka mengongsikan pengalaman-pengalaman melayani Tuhan atau anda juga boleh minta mereka mengulas tentang panggilan Tuhan terhadap pelayanan sepenuh masa. Di akhir sesi, mungkin mereka boleh memberikan cabaran kepada para peserta supaya bersikap terbuka kepada kemungkinan Tuhan akan memanggil mereka berkhidmat untuk-Nya dalam pelayanan Kristian sepenuh masa.

Sesi 7: Melayani Sepenuh Masa

Sesi ini akan memberi peluang kepada para peserta untuk mendengar pengalaman-pengalaman mereka yang melayani Tuhan dalam pelayanan Kristian sepenuh masa.

Anda boleh mengundang seorang atau dua orang untuk datang dan berucap kepada para peserta tentang kehidupan sebagai pelayan Tuhan dalam pelayanan Kristian sepenuh masa. Mereka boleh mengongsikan cabaran-cabaran, pergumulan-pergumulan serta berkat-berkat menjadi pelayan Tuhan. Sila baca dahulu bahagian **Renungan Firman Tuhan** untuk menentukan sama ada anda mahu tetamu undangan anda turut membicarakan aspek Alkitabiah panggilan Tuhan.

Anda boleh mengundang seorang pastor, pelayan penuh masa di gereja, pekerja sosial di organisasi Kristian (seperti Malaysian Care, Bible League, rumah anak yatim) dan sebagainya.



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa pelayanan dan perkhidmatan Kristian sepenuh masa adalah salah satu kerjaya yang ditentukan oleh Tuhan bagi umat-Nya untuk melayani-Nya.
2. Menyedari bahawa Tuhan memanggil orang untuk masuk ke pelayanan/perkhidmatan Kristian sepenuh masa supaya mereka boleh memberi sepenuh perhatian kepada pekerjaan Tuhan.
3. Mempelajari apakah yang terlibat dalam menjadi pelayan Tuhan sepenuh masa.
4. Dicabar supaya memupuk sikap dan hati yang terbuka kepada kemungkinan dipanggil Tuhan untuk melayani-Nya dalam perkhidmatan Kristian sepenuh masa.



Pencetus Minat

Menara Penyedut Minuman

(Diperlukan: penyedut minuman, pita pelekat)

Aktiviti ini bertujuan menentukan kumpulan mana yang berjaya membina menara tertinggi dengan menggunakan penyedut minuman.

1. Bahagikan para peserta kepada tiga atau empat orang sekumpulan.

2. Berikan sebungkus penyedut minuman dan pita pelekat kepada setiap kumpulan.
3. Beritahu mereka bahawa mereka perlu membina menara setinggi yang boleh dengan hanya menggunakan bahan-bahan yang sudah disediakan. Tetapi menara itu mestilah cukup kukuh dan teguh supaya boleh berdiri tegak.
4. Beri mereka masa 10 minit.
5. Di akhir masa 10 minit, minta mereka mempamerkan hasil kerja masing-masing. Anda boleh menjadi hakim untuk menentukan menara mana yang paling tinggi serta paling teguh.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Tentu anda seronok bertanding antara satu sama lain dalam aktiviti membina menara yang paling tinggi tadi, bukan?
2. Pertandingan antara satu sama lain untuk membuktikan diri terbaik atau memiliki yang terbaik turut terjadi dalam kehidupan seharian kita.
3. Sering kali orang-orang dewasa melakukannya melalui usaha memilih kerjaya mereka. Kita cenderung meminati kerjaya-kerjaya yang membolehkan kita mendapat gaji tinggi atau yang menjadikan kita merasa berkuasa atau mustahak.
4. Keadaannya sama seperti kita cuba membina menara yang tertinggi, lebih tinggi lebih baik, seperti yang anda semua lakukan tadi.
5. Tetapi Tuhan tidak memanggil umat-Nya untuk melibatkan diri dalam pembinaan menara masing-masing melalui kerjaya-kerjaya kita. Panggilan dan seruan-Nya kepada kita ialah menjadi rakan kongsi bersama-Nya dalam membina menara atau kerajaan-Nya di kalangan orang-orang yang masih belum mengenali-Nya.
6. Dalam sesi sebelum ini, anda telah mendengar beberapa orang Kristian mengongsikan kerjaya mereka serta ertinya bagi mereka untuk hidup sebagai orang Kristian di tempat kerja masing-masing sambil membina kerajaan Allah di situ.
7. Kebanyakan orang Kristian berkecimpung dalam kerjaya-kerjaya yang digelar kerjaya sekular iaitu pekerjaan yang tidak berkaitan dengan perkhidmatan/pelayanan Kristian.
8. Terdapat satu jenis kerjaya lain yang disertai oleh orang Kristian yang secara langsung terlibat dengan perkhidmatan dan pelayanan Kristian. Inilah yang kita namakan pelayanan Kristian sepenuh masa dan inilah yang akan kita dengarkan dalam sesi

hari ini.

B. Panggilan Tuhan

Bahagian ini bergantung kepada anda bagaimana untuk menjalankannya. Anda mungkin boleh menggunakan bahagian berikut sebagai pengenalan tentang panggilan Tuhan untuk melayani-Nya sepenuh masa sebelum menyerahkan masa seterusnya kepada tetamu undangan anda.

Atau, mungkin anda mahu tetamu undangan anda bermula dengan dasar Alkitabiah bagi panggilan Tuhan untuk pelayanan sepenuh masa, kemudian barulah dia mengongsikan aspek-aspek praktikal tentang pelayanan ini. Jika anda membuat keputusan ini, maka anda boleh tinggalkan bahagian ini dan teruskan kepada Bahagian C.

1. Tanya para peserta sama ada mereka mengenali sesiapa dalam Alkitab yang melayani sepenuh masa untuk Tuhan dan gereja-Nya. Ingat apa yang mereka katakan dan masukkan contoh-contoh yang mereka kemukakan sambil anda mengongsikan poin-poin berikut.
2. *(Suruh mereka buka kepada Keluaran 28:1 dan Bilangan 18:1-7. Minta seseorang untuk membaca bahagian-bahagian tersebut)*
3. Sejak mula lagi, Allah telah memanggil orang-orang tertentu untuk melayani Dia sepenuh masa. Dia memilih Harun dan anak-anaknya untuk melayani-Nya sebagai imam-imam besar. Tugas mereka ialah untuk mempersembahkan korban kepada TUHAN Allah bagi pihak umat Israel.
4. Allah juga telah mengasingkan dan memilih kaum Lewi untuk membantu imam-imam besar dalam menjalankan tugas-tugas seharian di Bait Suci. Ini boleh disamakan dengan melakukan segala tugas administrasi serta tanggungjawab rohani di gereja hari ini.
5. *(Suruh mereka buka kepada Kisah Para Rasul 6:1-7 dan Lukas 10:1-2)* Kita turut melihat hal yang sama dalam Perjanjian Baru. Rasul-rasul memang melayani sepenuh masa. Dalam Kisah Para Rasul, mereka meminta supaya orang-orang lain dipilih untuk menjalankan tugas-tugas seharian gereja supaya mereka boleh menumpukan perhatian sepenuh masa kepada doa, berkhotbah dan mengajar Firman Tuhan. Mereka menjaga kebajikan rohani umat Tuhan sepenuh masa.
6. Yesus memberitahu murid-murid-Nya tentang perlunya lebih ramai pekerja untuk melaksanakan kerja Tuhan sepenuh masa. Ini disebabkan orang di merata tempat perlu mendengar Berita Baik Injil.

7. Tentu sekali anda boleh melayani Tuhan dalam apa sekalipun pekerjaan anda. Namun demikian, terdapat keperluan khas bagi orang-orang yang melayani Dia sepenuh masa supaya, seperti murid-murid Yesus, kita dapat menumpukan sepenuh perhatian dalam pekerjaan Injil.
8. Melayani Tuhan sepenuh masa tidaklah menjadikan anda orang yang khusus atau yang lebih istimewa di mata Tuhan. Juga, tidak bererti anda lebih kudus atau lebih suci. Tidak ada tanda-tanda khas mengelilingi kepala orang yang melayani Tuhan sepenuh masa. Kita semua harus melayani Tuhan dengan sebaik-baiknya tidak kira bakat atau kerjaya kita.
9. Tetapi, tidak dapat dinafikan bahawa ada keperluan besar supaya terdapat lebih pekerja-pekerja sepenuh masa bagi Tuhan kerana tuaiannya memang lebat dan sudah menguning, namun penuai tidak mencukupi.
10. Ramai orang berpendapat bahawa Tuhan hanya akan memanggil mereka melayani Dia sepenuh masa jika mereka istimewa atau berbakat. Ada pula yang berpendapat hidup mereka akan menderita kerana terpaksa berkorban besar.
11. Supaya anda mendapat gambaran yang betul dan tepat tentang pelayanan sepenuh masa dalam perkhidmatan dan pelayanan Kristian ini, kami telah mengundang _____ (nama) untuk berkongsi dengan kita semua apakah yang terlibat dalam melayani Tuhan sepenuh masa.

C. Menjadi Pelayan Tuhan Sepenuh Masa

Jemputlah tetamu undangan anda ke depan dan perkenalkan dia atau mereka kepada para peserta sebelum dia atau mereka berkongsi.



Waktu Tambahan

Peluang Bertanya

1. Tanya sama ada para peserta mempunyai sebarang pertanyaan.
2. Anda mungkin perlu menyediakan beberapa soalan yang berkaitan dengan topik atau yang anda rasa mungkin berguna bagi pengetahuan para peserta.
3. Mintalah tetamu anda memperkatakan serba sedikit tentang pelayanan sepenuh masa selain daripada yang biasa diketahui seperti pastor, penginjil, pekerja-pekerja di kalangan muda-mudi dan sebagainya.



Doa

Dorong mereka untuk bukakan hati bagi Tuhan supaya bersikap terbuka kepada-Nya sekiranya Tuhan berbicara memanggil mereka untuk menyerahkan hidup kepada perkhidmatan pelayanan Kristian sepenuh masa. Galakkan mereka untuk menyerahkan semua kekhawatiran dan pergumulan mereka kepada-Nya.



Persediaan Forum Minggu Hadapan

1. Pada sesi yang akan datang, fokusnya adalah kepada pekerjaan dan panggilan seorang missionaris. Anda perlu membuat persediaan awal jika anda mahu mengundang seorang missionaris daripada salah satu organisasi misi. Anda boleh menulis kepada beberapa buah organisasi untuk mendapatkan bantuan atau maklumat, seperti OMF (Overseas Missionary Fellowship), Open Doors, Wycliffe, New Tribes Missions, World Vision, OM (Operation Mobilisation), dan sebagainya. Cuba dapatkan alamat-alamat mereka daripada pastor anda atau orang yang bertanggungjawab dalam bahagian misi di gereja anda.
2. Anda boleh minta tetamu undangan anda memperkatakan apakah itu misi sebelum dia mengongsikan pengalamannya di tempat pelayanan. Maklumkan tetamu anda bahawa di akhir sesi, dia akan diberi masa untuk mengongsikan hal-hal yang perlu didoakan supaya para peserta boleh mendoakan nanti.

Sesi 8: Kehidupan Di Ladang Tuhan

Sesi ini memberi peluang kepada para peserta mendengar tentang kehidupan seseorang missionaris serta pengalaman-pengalaman beliau di ladang Tuhan. Anda harus merancang terlebih dahulu jika anda mahu mengundang seorang missionaris untuk datang berkongsi dengan kumpulan anda. Anda boleh menulis kepada organisasi-organisasi misi di negara kita seperti OMF (Overseas Missionary Fellowship), Open Doors, Wycliffe, dan sebagainya untuk mendapatkan bantuan.

Mungkin anda mahu tetamu anda memperkatakan apakah itu misi terlebih dahulu sebelum berkongsi pengalaman-pengalaman peribadi beliau di ladang Tuhan. Maklumkan kepadanya bahawa anda akan meluangkan masa supaya para peserta boleh mendoakan dirinya serta pelayanan beliau.

Anda juga boleh mengundang mereka yang bekerja di antara suku Orang Asli, atau pekerja migran (seperti Vietnam, Myanmar, Bangladesh dsbnya.)



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami strategi Tuhan untuk menyampaikan Berita Baik Injil kepada mereka yang belum pernah mendengar ialah dengan mengutus umat-Nya untuk mengkhabarkan berita tersebut.
2. Mempelajari jenis-jenis pekerjaan dan pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh seorang missionaris di ladang Tuhan.
3. Berdoa bagi pekerjaan dan pelayanan tetamu undangan.



Pencetus Minat

Permainan: Memenangi Mereka (10-15 minit)

(Diperlukan: Sebatang kapur)

Tujuan permainan ini ialah supaya satu kumpulan berusaha mendapatkan seberapa ramai ahli kumpulan yang bersaing dengannya.

1. Bahagikan para peserta kepada dua kumpulan dengan jumlah ahli yang sama dalam setiap kumpulan.
2. Jelaskan bahawa permainan ini ialah adaptasi daripada permainan 'Batu, Gunting dan Kertas' tetapi dimainkan secara

berkumpulan.

3. Alihkan semua kerusi ke sebelah hujung bilik. Lukiskan satu garis di tengah-tengah bilik.
4. Kedua-dua kumpulan berdiri bertentangan lebih kurang satu meter di belakang garis. Suruh kedua-dua kumpulan berdiri membelakangi satu sama lain.
5. Bila mereka sudah bersedia, berikan tanda bermula dengan teriakan, "*satu, dua, tiga!*"
6. Pada teriakan "*tiga*", setiap kumpulan akan berpusing (atau melompat!) dan menghadap kumpulan yang satu lagi sambil menunjukkan aksinya (batu, gunting atau kertas).
7. Jika kedua-dua kumpulan telah memilih aksi yang sama, mereka mesti berpaling ke belakang dan membuat pilihan lagi. Jika tidak, kumpulan yang membuat aksi yang lebih 'lemah' harus berlari ke tembok bilik sebelah mereka untuk menyelamatkan diri. Ahli-ahli kumpulan pemenang akan mengejar dan berusaha 'memenangi' seberapa ramai yang dapat sebelum mereka sampai ke tembok. Mereka yang 'dimenangi' mesti mengikuti dan menyertai kumpulan penangkap mereka.
8. Kemudian kumpulan-kumpulan 'baru' ini bolehlah mulakan sekali lagi.
9. Teruskan permainan sehingga satu kumpulan mengambil alih semua ahli kumpulan yang satu lagi itu.
10. Peraturan-peraturannya ialah seperti berikut: batu merosakkan gunting, gunting memotong kertas dan kertas membalut batu.
11. Jika para peserta berpendapat batu, gunting dan kertas terlalu keanak-anakan, mintalah mereka fikirkan kombinasi yang lain, seperti gorila, manusia, pistol; atau Daud, Goliat, Batsheba; dan sebagainya.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Dalam permainan tadi, anda harus ikhtiarkan strategi menggunakan aksi apa supaya mengatasi pesaing anda. Jika anda menang, anda berpeluang 'memenangi' seberapa ramai orang daripada kumpulan lawan.
2. Lebih ramai orang yang anda 'menangi' menyertai kumpulan anda, lebih tinggilah peluang anda untuk menjadi juara.
3. Menurut Alkitab, dunia juga terbahagi kepada dua pihak yang bertentangan – pihak Tuhan dan pihak Iblis. Tuhan berhasrat setiap orang membelakangi Iblis dan kembali kepada Dia.

4. Sebab itulah Dia mengutus Yesus membuka jalan bagi manusia kembali kepada Tuhan.
5. Tetapi sebelum seseorang boleh mempercayai Yesus, dia harus mendengar tentang Kristus terlebih dahulu. Bagaimana kita berpeluang mendengar berita Injil? *(Biarlah mereka memberikan respon. Minta beberapa orang di antara mereka mengongsikan pengalaman masing-masing. Bincangkan juga bagaimana Injil mula-mula sampai ke tanah Malaysia ini)*
6. *(Suruh mereka bukakan Alkitab kepada Roma 10:14-15. Minta seseorang membacanya.)*
7. Sebelum seseorang boleh mempercayai Injil, dia harus mendengarnya terlebih dahulu. Untuk mendengar sesuatu berita, seseorang pemberita harus diutus kepada mereka.
8. Apakah strategi Tuhan supaya orang ramai dapat mendengar berita Injil? *(Biar mereka memberi respon)*
9. Tuhan menghantar utusan-utusan-Nya membawakan Berita Baik Injil kepada mereka yang belum pernah mendengarnya. Begitulah caranya orang pertama-tama sekali menjadi Kristian di Malaysia. Mubaligh-mubaligh dan misionaris dari beberapa negara berlainan datang membawakan berita Injil kepada kita.
10. Pekerjaan mubaligh dan misionaris merupakan bahagian yang amat penting dalam rancangan Tuhan memenangi lebih banyak orang kepada pihak-Nya.
11. Sesi ini menumpukan perhatian kepada segolongan orang yang telah menyerahkan hidup mereka menjadi pemberita (misionaris) bagi Tuhan. Ia bertujuan memberikan gambaran yang lebih baik tentang siapakah misionaris dan apakah yang terlibat dalam pelayanan ini.

B. Panggilan Tuhan kepada Misi

1. Jemputlah tetamu undangan anda ke depan dan perkenalkan dia atau mereka kepada para peserta. Kemudian serahkan masa seterusnya kepada dia atau mereka untuk memperkatakan kehidupan di ladang Tuhan.
2. Sediakan masa supaya para peserta boleh bertanya selepas perkongsiannya selesai.



Doa

A. Berdoa untuk Pekerjaan Tuhan

1. Bahagikan para peserta kepada tiga atau empat orang sekumpulan.

2. Minta tetamu anda mengongsikan beberapa hal supaya boleh didoakan oleh para peserta.
3. Kemudian minta para peserta berdoa bagi hal-hal yang sudah dikongsikan tadi.

B. Doa Penutup

Akhiri sesi ini dengan mendoakan hadirat dan perlindungan Tuhan supaya tetap menyertai para tetamu undangan anda sepanjang mereka melayani Tuhan di mana-mana sahaja mereka sudah ditempatkan. Doakan agar Tuhan akan mengurniakan kebijaksanaan, kekuatan dan kesabaran kepada mereka semasa mereka menyampaikan Berita Baik Injil kepada suku-suku yang belum mengenal Yesus.



Pilihan-Pilihan Lain

Anda mungkin mahu mempertimbangkan pilihan-pilihan lain jika anda tidak berjaya mengundang seseorang:

1. Dapatkan seberapa banyak maklumat yang mungkin daripada organisasi-organisasi misi dan terbitan-terbitan mereka. Anda boleh lekatkan di atas papan tulis sementara anda menumpukan perhatian kepada bahagian-bahagian tertentu dalam perbincangan anda kelak.
2. Jika gereja anda menyokong missionarisnya sendiri, anda boleh menulis kepada mereka untuk mendapatkan maklumat tentang pelayanan mereka, dan juga beberapa keping gambar. Kemudian, siap dengan semua ini, anda boleh memberikan taklimat pendek kepada para peserta. Ada baiknya jika anda boleh sediakan peta dunia supaya mereka tahu kedudukan tempat atau negara-negara yang diperkatakan.
3. Anda juga boleh mendapatkan rakaman video tentang seorang missionaris atau pelayanan misi dan tayangkan kepada para peserta.

Dapatkan kesemua 25 buah buku dalam
siri **OBOR BELIA** dari kami!



Hubungi kami di wawasan.penabur@gmail.com
atau layari laman web kami di www.wawasanpenabur.org

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn. Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk siri OBOR ini: *Asas-asas Iman, Kehidupan dalam Kristus, Isu-Isu Praktikal* dan *Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku yang kedua puluh tiga, **"Hidup Terhitung Bagi Tuhan"** dirancang untuk membantu para belia bagaimana mereka harus hidup di tengah-tengah masyarakat yang mendewakan wang dan wang adalah segalanya. Nilai-nilai apakah yang menjadi pegangan apabila kecenderungannya ialah setiap orang memutuskan standad-standad dan nilai-nilainya sendiri? Sesi 5-8 adalah mengenai pekerjaan dan kerjaya. Ramai orang Kristian berpendapat bahawa panggilan Tuhan hanya untuk mereka yang terlibat dalam pelayanan dan perkhidmatan Kristian sepenuh masa sahaja. Mereka menganggap pekerjaan-pekerjaan 'sekular' tidak tergolong dalam panggilan Tuhan. Yang lain pula berpendapat melayani Tuhan dalam gereja, khususnya sebagai pekerja sepenuh masa atau misionaris, merupakan panggilan yang lebih mulia daripada melayani Tuhan di tempat kerja masing-masing. Betulkah itu? Sama-sama kita kupas dalam buku ini.

"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperhatian."

Pi. Danil Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiapkan dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komiti Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)